

Jilid I
Bil. 30



Hari Khamis
24hb Januari, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4369]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991
Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40, B.41 dan B.42
[Ruangan 4409]

Maksud B.43 [Ruangan 4429]

Maksud B.44 [Ruangan 4480]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1991
Jawatankuasa—

Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40 [Ruangan 4409]

Maksud P.43 [Ruangan 4429]

Maksud P.44 [Ruangan 4480]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

„ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Belong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ DATO' K. KUMARAN (Tapah).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

Yang Berhormat DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 24hb Januari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENYELUDUPAN MINYAK
KE NEGARA JIRAN**

1. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membanteraskan kegiatan penyeludupan minyak dan bahanapi dari Malaysia ke negara-negara jiran; dan
- (b) sama ada Kerajaan Malaysia akan menerima tawaran Presiden Saddam Hussein untuk membekalkan minyak Iraq dengan percuma ke negara-negara yang meminatinya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras kegiatan penyeludupan termasuk penyeludupan minyak dan bahanapi dari Malaysia ke negara-negara jiran adalah seperti berikut:
 - (i) mengadakan dan menambah rondaan darat dan

laut. Kedua-dua rondaan ini dijalankan di seluruh negara;

- (ii) mengadakan sekatan jalanraya, terutama di jalan-jalan yang dikenali-pasti menjadi laluan penyeludupan;
- (iii) mengadakan pemeriksaan dan serbuan mengejut ke atas premis, stor-stor dan kawasan yang disyaki digunakan sebagai tempat simpanan barang seludup;
- (iv) di pintu-pintu masuk seperti di Tambak Johor, Padang Besar dan Rantau Panjang diadakan pemeriksaan mengejut dan pemeriksaan 100% ke atas kenderaan dan orang yang disyaki membawa barang seludup;
- (v) di pelabuhan pula, seperti di Pelabuhan Kelang, Pulau Pinang dan Pasir Gudang, pemeriksaan 100% ke atas kontena yang disyaki dibuat. Ini bagi mengelak berlakunya penyeludupan melalui kontena;
- (vi) mengadakan operasi berkala/operasi khas dari masa ke semasa. Operasi ini dibuat berdasarkan maklumat risikan mengenai bertambahnya penyeludupan dari masa ke semasa;

- (vii) menambahkan kaki-tangan dan kelengkapan logistik di semua stesen pencegah dari masa ke semasa;
 - (viii) mengadakan kempen kesedaran mencegah penyeludupan kepada orang awam di seluruh negara; dan
 - (ix) mengemas dan meningkatkan lagi sistem perisikan dan penyiaran maklumat Jabatan bagi membanteras penyeludupan.
- (b) Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tawaran Presiden Saddam Hussein untuk membekalkan minyak Iraq kepada negara-negara ketiga dibuat selepas beberapa hari keputusan dibuat di Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengenakan sekatan ekonomi ke atas Iraq. Kerajaan Malaysia tidak akan menerima tawaran tersebut memandangkan ini akan melanggar ketetapan 661 yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu di mana kita telah sama menyokongnya.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan apakah kesannya daripada kawalan penyeludupan minyak dan bahanapi dari Malaysia ke negara-negara jiran dan apakah kerugian setakat ini? Jika negara Iraq hendak mengangkut minyaknya ke pintu Malaysia ini, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan Malaysia akan menerimanya atau tidak memandangkan kapal-kapal Iraq itu mungkin hendak elak terkena bom daripada negara-negara bersekutu dan sama ada Kerajaan ingin menerimanya daripada sudut pendirian OIC?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa soalan ini dibuat atas andaian dan sebarang soalan yang dibuat atas andaian itu tidak perlu dijawab. Yang Berhormat dari Larut.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya minta sama ada Kerajaan berhasrat atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu andaian. Larut.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang pertama pun andaian jugakah? Adakah Tuan Yang di-Pertua mengambil pendirian begitu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Andaian itu memang tidak dibenarkan.

Tuan Lau Dak Kee: Bahagian yang pertama itu adakah andaian atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bahagian (a) itu di . . .

Tuan Lau Dak Kee: Andaian, Tuan Yang di-Pertua? Kalau itu andaian, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bahagian (a) itu diizinkan. Sila duduk sebentar Yang Berhormat dari Larut!

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Larut, sila duduk sebentar! Bahagian (a) itu tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut tentang cara-cara yang dibuat oleh pihak penguatkuasa untuk membanteras penyeludupan secara keseluruhannya. Kalau hendak dirujuk kepada dua barangan iaitu minyak dan bahanapi, kesannya tidak ada kerana tidak ada kes penyeludupan yang telahpun dikesan berkaitan dengan dua barangan tersebut. Walaupun begitu, kalau kita merujuk cara-cara membanteras untuk penyeludupan secara menyeluruh yang mencakupi barang-barang yang lain, Tuan Yang di-Pertua, di antara kesannya ialah seperti pada tahun 1989, seramai 684 orang telahpun didakwa di mahkamah dan daripadanya 449 orang telahpun dihukum di mahkamah sebagai bersalah. Pada tahun 1990, sebanyak 479 orang telah didakwa dan 311 orang didapati bersalah.

PIAWAIAN BAGI METER LETAK KERETA

2. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada semua meter letak kereta di Malaysia amnya dan di Melaka khususnya diluluskan oleh pihak Kementerian untuk memastikan bahawa ia mengikuti piawaian dan kalau tidak mengapa dan nyatakan apakah tindakan yang patut diambil.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak membuat pengesahan ke atas meter letak kereta di seluruh negara termasuk Melaka kerana pada masa ini belum ada piawaian bagi meter letak kereta.

Seksyen 14 (5) b dan 18 (1) Akta Timbang dan Sukat 1972 memperuntukkan kuasa kepada penyimpan

timbang dan sukat atau, dengan izin, custodian of weights and measures, iaitu SIRIM untuk menentu dan menyiarkan melalui *Warta Kerajaan* suatu reka-bentuk atau spesifikasi bagi meter letak kereta. Selepas perintah bentuk ini diwartakan dalam *Warta Kerajaan*, tindakan pengesahan ke atas semua meter letak kereta di seluruh negara akan dilaksanakan.

Proses ini akan dilaksanakan dalam masa yang singkat ini. Sementara itu semua meter letak kereta yang dipasang di seluruh termasuk Melaka adalah tertakluk kepada undang-undang kecil yang ditadbir dan dikuatkuasakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan pertama, adakah Kementerian berhasrat untuk menetapkan suatu piawaian bayaran letak kereta untuk suatu piawaian yang sama di seluruh negara?

Yang kedua, adakah Kementerian berhasrat untuk mengenakan garis panduan ataupun melaksanakan undang-undang kecil berhubung dengan bayaran letak kereta di bangunan-bangunan persendirian yang ada di seluruh negara?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini semua meter letak kereta yang digunakan di seluruh negara adalah empat jenis keseluruhannya dan ianya diimport dari Amerika Syarikat, Jerman Barat dan Sweden. Ianya adalah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang telahpun diiktiraf di negara masing-masing. Bentuk dan spesifikasi bagi ke semua jenis meter letak kereta ini diterima pada masa ini oleh pihak-pihak berkuasa di negara-negara pengeluar dan juga di negara-negara lain kerana reka-bentuknya masing-masing menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh institusi-institusi kebangsaan masing-masing. Oleh sebab itu, sebagaimana

yang saya telah nyatakan Kerajaan kita juga akan memperkenalkan standard ini dalam masa yang singkat.

Mengenai soalan yang kedua, saya rasa itu juga sedang dikaji oleh pihak Kerajaan dan apabila perkara ini telahpun diwartakan, insya Allah, ianya akan dilaksanakan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada meter letak kereta di Melaka khususnya dan juga di Kelang diluluskan oleh pihak SIRIM dan diwartakan. Kalau diwartakan untuk bandaraya Melaka dan Kelang, bilakah ia diwartakan?

Kedua, tujuan saya bertanya soalan ini kerana saya telah menerima aduan bahawa meter letak kereta terutamanya di Melaka mungkin tidak mengikut piawaian. Dengan maknanya bahawa kalau masa sejam dibenarkan ia tidak menepati atau memenuhi masa sejam. Oleh itu terdapat rungutan bahawa ini tidak mengikut piawaian. Adakah ini berlaku?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan meter-meter letak kereta yang sedang digunakan sekarang ini telahpun diimport oleh pihak yang berkenaan dari tiga negara iaitu Amerika Syarikat, Jerman Barat dan Sweden dan standard ini diiktiraf oleh negara masing-masing. Jadi buat masa ini kita sedang iktiraf jugalah standard yang digunakan oleh negara-negara tersebut yang telahpun begitu banyak pengalaman.

Buat masa ini perintah bentuk mengenai meter letak kereta yang boleh digunakan di Malaysia telahpun diwartakan pada 13.12.1990 baru-baru ini, iaitu tahun sudah oleh SIRIM sebagai penyimpan timbang dan sukat. Reka bentuknya adalah setanding dengan piawaian yang ditetapkan oleh United Kingdom, Jerman Barat dan Amerika

Syarikat. Selepas pengwartaannya itu pembekal-pembekal meter letak kereta telah diminta mengemukakan contoh meter letak kereta berserta dengan dokumen dan maklumat teknikal untuk semakan, ujian dan kelulusan SIRIM yang mana sekarang ini sedang dalam proses. Jadi, selepas SIRIM meluluskan maka ianya boleh digunakan sebagai standard yang diterima oleh negara kita.

TARIF ELEKTRIK DI SABAH— BAYARAN

3. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian mengenai kadar bayaran tarif elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah dijalankan;
- (b) apakah sebab-sebab kadar bayaran tarif elektrik di Labuan masih tinggi sedangkan Labuan berupaya menjanakan tenaga elektrik dengan kadar yang rendah dan berlebihan; dan
- (c) berapakah keuntungan yang diperolehi melalui projek sambungtara Labuan-Beaufort.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kajian masih dijalankan dan hasil kajian ini akan dimaklumkan setelah selesai;
- (b) Lembaga Letrik Sabah tidak mengamalkan kadar tarif mengikut kos penjanaan Wilayah. Struktur dan kadar tarif LLS adalah berdasarkan keseluruhan kos penjanaan, penghantaran dan pengagihan ke seluruh negeri Sabah; dan
- (c) keuntungan ke atas LLS hanya dapat dinilai dari segi penjimatan kos pembangunan modal kerana

tidak membiayai kos pembinaannya. Lembaga Letrik Sabah hanya membayar bayaran kontrak bulanan kepada LBI Sdn. Bhd. sebagai tuan punya sambungtara Labuan-Beaufort ini.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Projek sambungtara adalah merupakan satu projek yang menggunakan teknologi baru. Saya ingin tahu adakah teknologi ini tidak merbahaya oleh kerana kabel yang digunakan melalui dasar laut sekiranya dilanggar kapal ataupun dirosakkan oleh pengeboman ikan yang kerap kali berlaku di kawasan tersebut.

Yang kedua, Labuan adalah merupakan sebuah Wilayah Persekutuan dan terasing daripada Sabah. Saya difahamkan bahawa Lembaga Letrik Sabah dan juga Sabah Energy Corporation ini mendapat keuntungan yang besar kerana kos penjanaan tenaga elektrik di Labuan jauh lebih murah daripada kos-kos penjanaan di stesen-stesen di Sabah. Saya ingin tahu berapakah kos sebenarnya bagi menjanakan satu unit kilowatt tenaga ini dan berapakah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat panjang sangat nampaknya. Tolong singkatkan.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Berapakah kos yang dikenakan oleh Sabah Gas Energy kepada Lembaga Letrik Sabah bagi satu unit kilowatt?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, daripada soalan Yang Berhormat berkenaan dengan kabel yang telah diletakkan di bawah laut, itu adalah mengikuti rekabentuk yang telah dibuat oleh pakar-pakar perunding dan saya percaya pakar-pakar perunding mesti mengambil kira perkara-perkara seperti itu.

Yang kedua, berkenaan dengan kos unit penjanaan itu, seperti yang saya jelaskan kepada Dewan beberapa hari yang lalu, ini adalah di beberapa tempat tetapi jikalau kita bandingkan dengan kos penjanaan di Persekutuan dengan Sabah, ini adalah lebih mahal daripada Persekutuan oleh kerana di Sabah bahan penjanaan dan juga haidro tidak digunakan seperti apa yang kita gunakan di Persekutuan. Oleh kerana itu saya percaya kita telah mendapat satu penyelesaian kepada perkara ini. Pada masa akan datang apabila kita mengadakan satu sistem baru iaitu dalam rancangan sekarang untuk mengadakan satu skim baru di Sungai Rajang dan jikalau skim Sungai Rajang itu dapat disiapkan dalam beberapa tahun yang akan datang, masalah-masalah di Sabah dan juga di Sarawak boleh dapat diselesaikan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—pendek sahaja. Mengenai kos penjanaan yang telah diminta tadi, saya minta soalan itu sekali lagi supaya jelas: dulu berapa kosnya dan sekarang berapa kosnya. Pendek sahaja; sila jawab dengan jelas.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang paling pendek itu saya sudah jawab kepada Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu. Oleh kerana kita mempunyai beberapa jenis penjanaan, kos mengenai tiap-tiap penjanaan itu saya belum dapat daripada pihak Tenaga Nasional. Saya akan jawab satu hari nanti kepada Ahli Yang Berhormat.

PEKERJA LADANG— MEMAJUKAN TARAF SOSIO- EKONOMI

4. **Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil untuk memajukan

taraf kedudukan sosio-ekonomi pekerja-pekerja di ladang; dan

- (b) adakah Kementerian beliau sedar, rumah-rumah pekerja di ladang dibanjiri air setiap tahun. Apakah langkah-langkah yang diambil. Berikan bilangan pekerja-pekerja yang terlibat dan namakan ladang-ladang yang mengambil tindakan mengatasi masalah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, saya Timbalan Menteri yang baru. (*Tepuk*) Baru memegang jawatan empat jam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan,

- (a) Ladang-ladang adalah hakmilik persendirian tuannya ladang atau sektor swasta. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab utama tuannya ladang sendiri untuk membangunkan ladang-ladang mereka bagi memajukan taraf kedudukan sosio-ekonomi pekerja-pekerjanya.

Walaupun pihak Kerajaan tidak terlibat secara langsung dengan program-program pembangunan di ladang milik swasta, pihak Kerajaan akan bertindak sedaya upaya untuk membantu majikan-majikan dalam usaha mereka meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi pekerja-pekerja di sektor perladangan.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan kedudukan sosio-ekonomi pekerja-pekerja ladang, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Kerajaan sedang menguatkuasakan Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan

Kemudahan Asas 1990 untuk memperbaiki taraf perumahan pekerja dan kemudahan asas di ladang-ladang. Akta ini menentukan tanggungjawab-tanggungjawab yang harus dilaksanakan oleh majikan ladang untuk meningkatkan taraf kualiti hidup pekerja-pekerjanya. Antara lain melaksanakan piawaian-piawaian perumahan yang memuaskan, menyediakan kemudahan asuhan bagi anak-anak pekerja ladang dan mengadakan bekalan air yang bersih dan mencukupi.

- (ii) Telah menggalakkan majikan ladang melaksanakan Skim Pemilikan Rumah Pekerja-Pekerja bagi membantu pekerja-pekerja ladang memiliki rumah sendiri. Sehingga ini sebanyak 17 buah ladang telah menyertai skim ini menghasilkan 6,819 unit rumah pekerja di sektor perladangan siap dibina.
- (iii) Di bawah Kementerian-kementerian yang berkenaan Kerajaan telah dan akan terus berusaha membantu majikan-majikan meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi pekerja-pekerja ladang menerusi penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, sekolah, pusat kesihatan dan jalan raya di kawasan-kawasan persekitaran ladang supaya golongan ini dapat turut menikmati kemudahan-kemudahan ter-

sebut. Dalam hubungan untuk mengadakan bekalan elektrik khususnya Kerajaan baru-baru ini telah memutuskan untuk menanggung kos bekalan elektrik ke ladang-ladang. Bagi ladang-ladang yang luasnya di antara 500 hingga 1,000 ekar, kos projek akan dibiayai bersama oleh Kerajaan, Tenaga Nasional Berhad dan pihak ladang itu sendiri. Manakala bagi ladang-ladang yang luasnya kurang daripada 500 ekar Kerajaan akan menanggung kos projek sepenuhnya bagi setiap kes yang layak.

- (b) Banjir bukan sahaja melanda kawasan perumahan pekerja di ladang-ladang bahkan melanda semua kawasan rendah di sesuatu kawasan itu. Sekiranya banjir berlaku secara mengejut, Kerajaan sentiasa memberi keutamaan untuk menolong dan membantu mangsa-mangsa yang terlibat dengan memindahkan mereka ke pusat-pusat bantuan mangsa banjir di samping memberi lain-lain bantuan kebajikan. Bagi menghadapi banjir yang berlaku sebagai satu peristiwa tahunan, pekerja-pekerja sendiri dan pihak majikan lazimnya membuat persiapan dengan mengambil langkah-langkah keselamatan untuk menghadapinya. Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai rekod mengenai bilangan pekerja dan ladang yang dilanda banjir.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat telah menyebutkan tadi bahawa sebanyak 17 ladang dengan jumlah 6,819 unit rumah telahpun

dibina. Oleh kerana ada ladang-ladang di kawasan saya yang saya rasa mungkin tidak terlibat, dapatkah Yang Berhormat beri pecahan nama ladang dan juga jumlah rumah yang telah dibina di ladang berkenaan. (*Ketawa*) Kalau tidak dapat pun kalau terlampau panjang sangat Yang Berhormat beri nama-nama ladang yang terlibat.

Yang keduanya, kawan-kawan saya di sini sentiasa menimbulkan masalah kesihatan. Ini berhubung dengan sosio-ekonomi tadi iaitu masalah kesihatan yang terbiar di kawasan-kawasan ladang. Jadi, apakah tindakan atau adakah usaha-usaha Kerajaan selama ini untuk membantu bagi meninggikan taraf kesihatan pekerja-pekerja ladang?

Akhir sekali saya ucap tahniah kerana Yang Berhormat dilantik sebagai Timbalan Menteri dan kita harap ini akan menggerunkan Pembangkang (*Ketawa*) di atas kehadiran Yang Berhormat atas wakil MIC dalam Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa bahagian (a) itu terlampau spesifik. Jadi, cuba jawab bahagian (b).

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkhidmatan kesihatan dan kemudahan perubatan di bawah Kementerian Kesihatan, Kerajaan telah menyediakan sistem perkhidmatan kesihatan luar bandar di mana semua lapisan masyarakat termasuk pekerja-pekerja ladang bebas menikmati semua perkhidmatan yang terdapat di Pusat-pusat Kesihatan tersebut yang mana kebanyakannya terletak di pinggir-pinggir ladang. Di samping itu, di setengah-setengah ladang, pihak majikan juga menyediakan kemudahan kesihatan dan perubatan untuk pekerja-pekerja mereka.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Timbalan Menteri baru untuk 4 jam memberi satu jawapan yang paling panjang ini. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri baru mengakui bahawa golongan pekerja-pekerja ladang itu merupakan satu kumpulan yang paling miskin di dalam negara kita. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sedikit socio-economic indicators untuk menunjukkan bahawa mereka memanglah miskin khasnya mereka yang berketurunan India? Dan adakah hakikat ini membuktikan bahawa usaha pihak Kerajaan, usaha MIC, untuk menolong orang India sudah gagal? Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan duduk di sini sebagai MIC, saya duduk sebagai parti Barisan Nasional. (*Tepuk*)

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat, pekerja-pekerja ladang dan lain-lain golongan termiskin pun memang ada—bukan dari segi estet sahaja. Sekian, terima kasih.

PERSATUAN SUKAN KEBANGSAAN/NEGERI— PENYELARASAN

5. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai kuasa untuk membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah dalaman yang dihadapi oleh badan-badan sukan di peringkat kebangsaan dan negeri, jika tidak, apakah Kementerian bercadang untuk menyelaraskan perlembagaan badan-badan sukan di negara ini supaya ada peruntukan kuasa bagi Kementerian bertindak dengan lebih berkesan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana persatuan-persatuan sukan kebangsaan

dan negeri adalah merupakan organisasi sukan yang mempunyai kuasa "autonomous" dalam hal ehwal pentadbiran dan pengurusan masing-masing, Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai kuasa untuk mencampuri hal-ehwal pentadbiran persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan juga negeri.

Setakat ini Kementerian tidak bercadang untuk menyelaraskan perlembagaan badan-badan sukan di negara ini kerana tindakan sedemikian secara langsung akan mencampuri hal-ehwal badan-badan sukan tersebut. Walau bagaimanapun Kementerian saya sentiasa bersedia menyelesaikan sebarang masalah dalaman yang dihadapi oleh mana-mana badan-badan sukan secara perundingan dan perbincangan.

PINJAMAN PERUMAHAN DAN KENDERAAN

6. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) benarkah Kerajaan bercadang untuk memberi kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan tanpa faedah kepada kakitangan perkhidmatan awam; dan
- (b) jika benar, bilakah cadangan itu akan dikuatkuasakan. Jika tidak, apakah yang menghalang Kerajaan berbuat demikian.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Tidaklah benar bahawa Kerajaan bercadang untuk memberi kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan tanpa faedah kepada kakitangan perkhidmatan awam.

(b) Pada masa ini sumber kewangan bagi membiayai Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan adalah diperolehi melalui pinjaman-pinjaman daripada bank-bank perdagangan, institusi kewangan dengan faedah di antara 7%-10% kerana hasil Kerajaan tidak mencukupi. Faedah yang dikenakan ke atas kakitangan Kerajaan adalah hanya 4% setahun. Oleh kerana jumlah peruntukan yang diperlukan untuk pembiayaan Skim Pinjaman Perumahan bagi kakitangan Kerajaan melebihi \$1.5 billion setahun dan hasil Kerajaan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan ini, maka Kerajaan tidak dapat memberi kemudahan pinjaman perumahan tanpa faedah kepada kakitangan awam. Mengenai Skim Pinjaman Kenderaan, keseluruhan sumber kewangannya adalah diperolehi daripada hasil Kerajaan. Sungguhpun demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi pinjaman kenderaan tanpa faedah kerana kadar yang dikenakan sekarang adalah rendah dan berpatutan jika dibandingkan dengan kadar yang dikenakan oleh institusi kewangan swasta.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana kadar 4% yang dikatakan rendah ini, kalau ditanya kepada saya, lama sudah saya hapuskan. Tetapi saya ingin mendapat penjelasan apakah kadar sebanyak 4% ini kadar faedah ataupun wang perkhidmatan, kerana saya perlu mendapat penjelasan sebab di suatu Persidangan Ekonomi Islam Sedunia lebih kurang 10 tahun lalu di London yang dianjurkan oleh Majlis Islam Eropah, banyak di kalangan tokoh-tokoh Islam bercanggah pendapat dalam hal

ini. Jadi, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji bahawa 4% itu merupakan wang pengurusan yang dikenakan kepada pemohon-pemohon baik dari segi pinjaman perumahan ataupun kenderaan oleh kakitangan Kerajaan ataupun ianya merupakan faedah dalam bentuk riba?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya kita membandingkan kadar 4% dengan apa yang ditawarkan di sektor swasta, maka ia adalah kecil dan bolehlah Yang Berhormat dari Pasir Mas mengatakan dia akan hapuskan kalau mengikut kehendaknya. Walaupun begitu, 4% kalau didarabkan dengan jumlah pinjaman yang diberikan, Tuan Yang di-Pertua, membawa pungutan tak kurang \$350 juta setahun untuk dipungut oleh Kerajaan daripada pembayaran sumber faedah itu, walaupun pada tahap 4%. Faedah \$350 juta kalau hendak ditafsirkan untuk menampung segala urusan perkhidmatan Jabatan yang berkenaan, Tuan Yang di-Pertua, mungkin membiayai sebahagian besar daripadanya.

Mengenai tafsiran sama ada \$350 juta itu boleh ditafsirkan sebagai peruntukan pengurusan ataupun riba, Tuan Yang di-Pertua, kita serahkan kepada pihak yang alim untuk mentafsirkan bagi kita.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. APU dalam Pilihanraya Umum baru-baru ingin memansuhkan banyak benda, termasuk memberi elaun dan sebagainya. Apakah salah dari segi peraturan kewangan kalau sekiranya Kerajaan Negeri Kelantan ingin menghapuskan faedah untuk pinjaman perumahan dan juga kenderaan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Kelantan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita serahkan kepada kepakaran dan kebijaksanaan Kerajaan Negeri Kelantan. (*Tepuk*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini tetap tidak terkeluar. Sebagaimana yang Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu dalam akhbar semalam yang saya baca di mana tidak ada rancangan Kerajaan untuk menaikkan ceiling untuk pinjaman perumahan. Tetapi memandangkan harga rumah di Sarawak lebih tinggi daripada harga rumah di Semenanjung, jadi adakah rancangan Kerajaan untuk meninggikan lagi ceiling untuk pinjaman perumahan pegawai Kerajaan di Sarawak?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ceiling yang ada untuk kakitangan peringkat yang rendah ialah \$30,000 dan yang paling maksima, tingkatan teratas ialah \$155,000.

Tuan Yang di-Pertua, kriteria yang digunakan oleh pihak Kerajaan untuk meletakkan ceiling adalah berdasarkan kepada keupayaan kakitangan untuk membayar balik pinjaman tersebut berdasarkan kepada gaji hakiki mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan telah memutuskan bahawa tidak lebih 40% daripada jumlah pembayaran bulanan jika dibandingkan dengan pendapatan hakiki kakitangan. Ini untuk memastikan bahawa pembayaran pinjaman rumah tidak menjadi masalah keselesaan hidup keluarga.

JALANRAYA UTAMA KUCHING—MIRI—PEMBINAAN

7. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah jalanraya utama (Pan-Borneo) yang menghubungi Kuching dan Miri akan siap dibina oleh Kementerian Kerja Raya. Mengapa projek ini mengambil masa begitu panjang dan berapakah kos pembinaannya.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, Kerajaan berhasrat untuk menyiapkan pembinaan dan penurapan projek-projek jalanraya utama dari Kuching ke Miri dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam iaitu dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya dalam tahun 1993.

Projek tersebut mengambil masa kerana pemborong-pemborong yang dilantik gagal menyiapkan kerja dalam masa tempoh kontrak. Kos pembinaannya dari Kuching ke Miri dijangka lebih kurang \$900 juta.

Tuan Wong Wing On: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu siapakah pemborong-pemborong yang tidak bertanggungjawab itu?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, pemborong-pemborong yang tidak dapat menyempurnakan kerja-kerja itu adalah tiga:

- (1) Bahagian Jalan dari Simpang Batu Lintang-Lubok Antu--Kontraktor: Sim Hong Eng Constructions.
- (2) Dari simpang Lubok Antu ke simpang Betong--Kontraktor: Sun Hap Constructions Co.
- (3) Dari Sungai Bakap ke Sungai Niah--Kontraktor: Tah Soon Sdn. Bhd.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu dalam Dewan yang mulia ini berkali-kali bahawa projek first trunk road system di negeri Sarawak ini akan disiapkan pada satu tempoh yang ditetapkan tetapi tak pernah pihak Kerajaan dapat menunaikan hasrat ini. Maka soalan saya ialah di samping kegagalan kontraktor-kontraktor itu, adakah pihak JKR di negeri Sarawak sendiri, sebagai jentera pelaksanaan projek ini, prestasi mereka itu memuaskan? Jika tidak, apakah telah berlaku kepada suatu tindakan yang dibuat oleh bekas Yang Berhormat

Menteri Kerja Raya untuk melantik seorang Pegawai Perhubungan di negeri Sarawak supaya menyelaraskan kerja-kerja di antara JKR di negeri Sarawak dengan JKR Persekutuan. Apakah yang telah berlaku kepada projeknya itu ataupun dia sudah hilang selepas Yang Berhormat Menteri Tenaga sekarang melepaskan jawatan Menteri?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada amnya prestasi JKR Sarawak itu boleh dikatakan memuaskan. Untuk mempertingkatkan prestasinya, Kementerian Kerja Raya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu bagi menyelaraskan dan mengawasi pelaksanaan projek-projek jalan raya Persekutuan di Sarawak supaya ianya dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Di samping itu, Kementerian Kerja Raya serta JKR Persekutuan telah memberikan bantuan dari segi teknik dan pengurusan kepada JKR Sarawak, di samping mengadakan kursus-kursus di dalam bidang pengurusan projek bagi meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan projek itu.

PENDATANG HARAM VIETNAM—PENDIRIAN MALAYSIA

8. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah dasar Malaysia masa kini terhadap pendatang haram Vietnam. Berapa ramaikah pendatang haram Vietnam yang masih tinggal di Malaysia pada masa ini dan berapa ramaikah yang telah balik secara sukarela ke negara asal mereka; dan
- (b) apakah yang dimaksudkan dengan “Pelan Bertindak Yang Menyeluruh” yang telah dipersetujui di Persidangan Antarabangsa mengenai Orang-orang

Pelarian Indo-China yang diadakan di Geneva pada bulan Jun 1989.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), pendirian Malaysia adalah supaya semua pendatang haram Vietnam (PHV) yang berada di negara kita ditempatkan ke negara ketiga atau dihantar pulang ke negara asal. Jumlah PHV yang berada di Malaysia pada akhir bulan Disember tahun 1990, adalah seramai 14,756 orang. Jumlah PHV yang telah balik secara sukarela ke Vietnam adalah seramai 335 orang.

Mengenai soalan (b), “Pelan Bertindak Yang Menyeluruh”, atau dengan izin, “Comprehensive Plan of Action” yang telah dipersetujui di Persidangan Antarabangsa yang diadakan di Geneva pada bulan Jun tahun 1989 bermaksud mencapai satu penyelesaian yang menyeluruh dan berkekalan bagi masalah pendatang haram Vietnam. Secara ringkasnya, Pelan tersebut memperuntukkan semua PHV tidak lagi diberi status pelarian secara automatik. PHV yang mendarat di negara perlindungan sementara selepas tarikh tertentu, iaitu 14 Mac tahun 1989, akan ditapis untuk menentukan status mereka. PHV yang ditentukan pelarian tulen akan ditempatkan ke negara ketiga, manakala mereka yang ditentukan bukan pelarian perlu dihantar balik ke negara asal.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa tahun yang lalu, Kerajaan ada membuat kenyataan bahawa pusat pelarian Vietnam di Pulau Bidong akan ditutup terus-menerus, dan saya ingin mendapat tahu apakah perkembangan terakhir mengenai hal ini. Pada waktu yang sama, daripada 14,756 pendatang yang masih ada dalam negara kita sekarang, saya ingin mendapat tahu response negara-negara ketiga yang memang mengiktiraf orang-orang ini

sebagai pelarian. Apakah kesungguhan mereka untuk mengambil orang-orang ini untuk re-settlement, dengan izin.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dasar Kerajaan untuk menutup Pulau Bidong, ianya adalah merupakan dasar dan keputusan yang muktamad dan segala usaha sedang diperbuat bagi mencapai matlamat yang berkenaan.

Mengenai sambutan yang diberikan oleh negara-negara ketiga bagi menempatkan pendatang haram Vietnam, suka saya menyatakan, iaitu di antara jumlah yang saya perkatakan sebentar tadi, seramai 1,094 orang sahaja yang tinggal, yang telah datang ke negara ini sebelum tarikh tertentu, ataupun cut-off date, dengan izin, pada 14 Mac tahun 1989. Jadi, bermakna bahawa mereka yang telah datang ke negara ini sebelum 14 Mac, 1989 hanya tinggal sebanyak 1,094 sahaja. Pada keseluruhannya, sambutan yang diberikan oleh negara-negara ketiga adalah memuaskan dan pada tahun 1990, seramai 7,341 telahpun dipindahkan daripada negara kita.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana kita tahu bahawa Bangsa-bangsa Bersatu juga memberi sumbangan berhubung dengan pelarian atau pendatang haram ini. Yang pertama saya ingin bertanya, adakah Kerajaan Malaysia juga dibebankan dengan perbelanjaan untuk penempatan dan lain-lain? Jika ada, berapakah jumlahnya.

Soalan yang kedua, apakah halangan dan masalah yang melambatkan pemergian pendatang Vietnam ke negara ketiga ini, dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasinya?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang benar, iaitu sumbangan yang besar adalah diberikan oleh Pesuruhjaya

Tinggi bagi Orang-orang Pelarian bagi membiayai pendatang haram Vietnam yang berada di Pulau Bidong dan tempat-tempat lain di negara kita. Negara kita tidak mengeluarkan belanja yang banyak, melainkan sedikit sahaja, iaitu dari segi pengambilan tanah di Pulau Bidong. Saya tidak ingat berapa jumlahnya, tetapi sedikit sahaja.

Berkenaan dengan masalah-masalah bagi menyelesaikan pendatang haram Vietnam ialah mengenai pendatang-pendatang yang tidak diiktiraf sebagai orang pelarian, iaitu hendak dihantar balik ke Vietnam secara paksa, perkara ini sedang kita rundingkan pertamanya, di peringkat antarabangsa, iaitu di peringkat Pesuruhjaya Tinggi bagi Orang-orang Pelarian. Yang kedua, di peringkat ASEAN, dan yang ketiga, di peringkat dua hala di antara Malaysia dengan Vietnam sendiri yang mana kita telahpun mengadakan beberapa kali rundingan dengan pihak Vietnam. Jadi, inilah di antara masalah-masalah yang kita hadapi dan kita akan terus berusaha supaya masalah orang pelarian Vietnam ini akan dapat diselesaikan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan jawapan yang Berhormat Menteri tadi, sejauh manakah Kementerian dapat mengawal kehadiran pelarian Vietnam ini supaya tidak meninggalkan masalah-masalah sosial yang negatif seperti pelacuran dan sebagainya? Apakah bantuan-bantuan yang telah diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat dengan masalah kehadiran pelarian Vietnam ini?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka berada di negara kita, mereka adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh Pesuruhjaya Tinggi bagi Orang-orang Pelarian, maknanya bahawa syarat-syarat ini mestilah diikuti dan juga pihak

keselamatan, iaitu pihak Polis, adalah sentiasa menjaga bahawa mereka ini sentiasa dijaga dari segi keselamatan dan juga tidak melakukan perkara-perkara yang mengancam keadaan sosial dan keselamatan di negara kita.

Berkenaan dengan bantuan-bantuan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri, oleh kerana ini adalah merupakan satu perkara yang mana melibatkan masalah peri kemanusiaan, jadi bermakna Kerajaan Persekutuan dan juga pihak Pesuruhjaya Tinggi bagi Orang-orang Pelarian, tidak memberi apa-apa bantuan secara terus-menerus, ataupun direct kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

PELABURAN ASING DI MALAYSIA

9. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berikutan dengan penyertaan pelaburan asing yang kian meningkat dalam pertumbuhan ekonomi negara sekarang, dan berikutan dengan penyertaan syarikat asing dalam rancangan penswastaaan, sila nyatakan peratus ekonomi negara yang dikuasai oleh pihak asing;
- (b) adakah kedudukan penguasaan ekonomi negara akan kembali semula kepada masa negara baru mencapai kemerdekaan di mana ekonomi kita dikuasai oleh pihak luar; dan
- (c) adakah ia wajar atau sebaliknya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, data-data terakhir menunjukkan tahap pemilikan pelabur-pelabur asing dalam sektor syarikat adalah kira-kira 23.7% daripada keseluruhan jumlah ekuiti dalam sektor korporat. Sebagaimana yang boleh kita lihat, angka ini adalah di

bawah daripada matlamat asal rangka rancangan jangka panjang pertama, di mana rakyat asing dijangka mencapai 30%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada akhir 1960han, bahagian pemilikan asing ini adalah di tahap kira-kira 63%. Selaras dengan dasar menggalakkan pelabur asing di negara kita khususnya dalam program-program pembangunan seperti sektor perkilangan dan penswastaaan, Kerajaan akan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengawasi perkembangan kepentingan asing di dalam negara ini. Kerajaan berpendapat, sehingga kini, kemasukan pelabur asing memberi kesan yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara khususnya di dalam penghasilan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini. Berdasarkan kepada keterangan di atas serta dasar yang telah ditetapkan, soal penguasaan oleh pihak luar terhadap ekonomi kita adalah tidak timbul.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, dalam bidang apakah penguasaan atau pemilikan ekonomi negara oleh orang-orang asing ini tertumpu dan orang asing dari negara manakah yang mempunyai bahagian yang terbesar sekali dalam ekonomi negara?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi maklumat berkenaan apa yang dicatatkan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur berkenaan penguasaan di dalam sektor-sektor tertentu dan saya pecahkan sektor-sektor ini kepada 6 sektor di mana ada pelabur asing. Yang paling banyak sekali ialah dalam sektor perindustrian—32.6%; di dalam sektor hotel 26.7% dan lain-lainnya, di dalam sektor kewangan 21%; sektor hartanah 26% dan bijih timah 18%. Mereka yang terlibat melabur di dalam negara kita yang paling banyak tertumpu ialah pelabur Jepun, Singapura dan Amerika.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam sektor perkilangan ataupun perindustrian, kita dapati bahawa pelabur-pelabur dari Singapura hanya tertumpu kepada satu kawasan sahaja iaitu di negeri Johor. Kerana kita tidak dapat menjamin hubungan negara kita dengan negara-negara jiran akan senantiasa baik, adakah Kerajaan memikir untuk menghadkan pelaburan asing daripada negara-negara jiran, khususnya Singapura, kerana penyer-taannya yang berlebihan dalam melabur di negara ini, khususnya di Johor, akan memberi mereka sebab ataupun asas untuk melindungi kepentingan pe-laburan mereka dalam bentuk apa jua sekalipun, sekiranya mereka rasa terancam.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi perhubungan di antara Singapura dengan Malaysia adalah satu perhubungan yang baik dan kalau kita lihat dari segi dasar Kerajaan sendiri, kita menentukan dalam perancangan supaya pelaburan asing tidak meningkat lebih daripada tahap 30% dan Kerajaan senantiasa berwaspada berkenaan dengan kedudukan pelabur asing supaya ia tidak mengancam keselamatan negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Taimin bin Lumaing.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Taimin bin Lumaing tidak hadir)

INTEGRASI NASIONAL

11. **Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bahawa meskipun Kerajaan PBS kini berkedudukan sebagai Pembangkang di peringkat Kerajaan Pusat, tapi sesungguhnya, ianya masih "committed" untuk memainkan peranan bagi memastikan agar dasar integrasi

nasional di kalangan rakyat majmuk Malaysia di seluruh negara akan tercapai dalam ertikata yang sebenar-benarnya. Apakah sambutan di pihak Kerajaan Pusat terhadap usaha sedemikian itu daripada Kerajaan tersebut.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat akan menyambut baik segala usaha-usaha yang jujur dan ikhlas ke arah mencapai integrasi nasional.

Tuan Maidom P. Pansai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana meskipun Kerajaan PBS adalah Pembangkang di peringkat Pusat, tetapi nampaknya usaha ke arah integrasi nasional masih disambut baik oleh Kerajaan Pusat. Maka di sini saya ingin bertanya mengapakah para pemimpin Kerajaan Pusat begitu bersifat antagonistic, dengan izin, terhadap apa juga perkara-perkara yang dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin PBS kepada Kerajaan Pusat untuk dipertimbangkan. Misalnya bila kita mengemukakan permohonan untuk penubuhan Universiti di Sabah, tanpa usul periksa yang langsung dituduh sebagai membuat satu helah politik dan untuk kepentingan politik PBS sahaja. Pada hal penubuhan Universiti itu adalah bukan sahaja untuk rakyat Sabah tetapi untuk rakyat seluruh negara termasuk Semenanjung Malaysia dan bagi kita ianya adalah salah satu cara untuk mewujudkan integrasi nasional.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan buat ucapan.

Tuan Maidom P. Pansai: Itu bukan ucapan, saya bertanya mengapakah?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ulang lagi, kita menyambut baik usaha-usaha yang jujur dan ikhlas. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir)

TELEFON DAN ELEKTRIK— MENAIKKAN KADAR

13. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengawal kemungkinan kenaikan kadar telefon dan elektrik yang akan membebankan pengguna ekoran langkah penswastakan Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Telekom setelah agensi-agensi berkenaan diswastakan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut syarat lesen kepada Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad, mereka tidak dibenarkan menaikkan kadar telefon dan elektrik secara bersendirian. Kuasa untuk menetapkan kadar-kadar ini adalah terletak kepada Kerajaan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Timbalan Menteri menjawab tidak ada kenaikan kadar, tetapi dalam ingatan saya, kadar telefon telah dinaikkan 30% sejak ia diambilalih oleh pihak swasta, iaitu panggilan 10¢ dahulu telah dijadikan 13¢ iaitu sebanyak 30% telah dinaikkan. Adakah ini satu kenaikan ataupun satu pengubahsuaian? Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, banyak perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dijalankan oleh pihak Telekom bukan sahaja untuk memberi kemudahan telefon tetapi untuk memperbaiki kerosakan, untuk membuat pemeriksaan meter dan sebagainya, dahulunya ini

semua tidak dikenakan apa-apa bayaran, saya ingin tahu dengan penswastakan ini adakah kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan ini dikenakan bayaran yang akan membebankan pengguna-pengguna?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 1991 sehingga 1995 STM akan membelanjakan lebih kurang \$1.39 bilion untuk memajukan lagi telekomunasi dikawasan luar bandar. Untuk tahun ini \$275 milion. Berkenaan dengan perkhidmatan Telekom ke luar bandar, pihak STM akan mengadakan 11,000 public telephones ke kawasan luar bandar. Ini bermakna selepas kita menswastakan STM, STM memberikan penumpuan kepada kawasan luar bandar. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, dari tahun 1991—1995 Telekom akan membelanjakan lebih kurang \$5 bilion untuk pembangunan. Dari itu \$1.39 bilion adalah untuk kawasan luar bandar, ini termasuklah public telephone, memperbanyakkan lagi talian-talian dan memperbaiki telekomunikasi di kawasan luar bandar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apakah 11,000 talian telefon yang dicadangkan ke luar bandar ini mencukupi mengikut kajian dari pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, kerana walaupun bunyinya 11,000, tetapi dari segi keperluan apakah kajian sudah dibuat kerana kita sedar selama ini berlaku kerosakan telefon awam adalah kerana ianya tidak mencukupi. Oleh kerana ia tidak cukup ramai yang beratur, jadi ada yang lambat dan sesetengahnya bercakap dengan girl-friend, bercakap dengan kawan dan merapu tidak tentu fasal, jadi yang di belakang itu bila naik radang bila sampai gilirannya dia "santai". Itu yang sebenarnya banyak telefon yang rosak. Jadi, saya hendak tahu bila hendak buat telefon di luar bandar, berapa jarakkah antara satu telefon, adakah 2 depa, 3 depa bagi memberi cukup puas kepada mereka ini untuk menggunakan telefon.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun ini Jabatan Telekom akan memasang lebih kurang 1,800 buah telefon awam di kawasan luar bandar. Yang tertunggak tahun sudah ialah 1,175 buah, yang akan juga dipasang tahun ini. Dari segi maintenance, dengan izin, Jabatan Telekom akan membaik-pulih lebih kurang 1,000 buah telefon pada tahun ini, ini tidak termasuk lebih kurang 2,000 buah telefon yang akan dipasang di kawasan bandar. Selain daripada STM, di kawasan bandar kita juga telah menswastakan public telephone di dalam bandar kepada Uniphone. Jadi, untuk tahun ini STM dari segi pembangunan, penyediaan telefon di kawasan luar bandar yang 1,175 untuk tahun sudah dan juga dengan maintenance yang akan dibuat pada tahun ini jumlahnya 6,000 buah telefon yang akan dibekalkan ke kawasan luar bandar.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa STM ada mencadangkan supaya jika telefon di kawasan luar bandar rosak oleh kerana rosak talian, maka ini akan dibaik-pulih dengan segera. Tetapi kalau kerosakan ini ialah kerana vandalism, dengan izin, maka Jabatan Telekom mencadangkan supaya hanya selepas 3 tahun baru dibaik-pulih, kerana dengan cara ini kita akan dapat memberikan pembekalan yang adil kepada semua masyarakat yang ada di kawasan luar bandar.

PENGIKLANAN JENAMA ROKOK—KERUGIAN

14. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Kementerian beliau akan menghentikan pengiklanan jenama-jenama rokok melalui TV; berapakah kerugian akan terlibat jika pengiklanan itu dihentikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-

Pertua, amalan membenarkan iklan-iklan jenama adalah sejajar dengan amalan free enterprise dan merupakan salah satu sumber hasil RTM. Oleh itu, buat masa ini Kementerian Penerangan belum bersedia dan tidak bercadang untuk menghentikan pengiklanan jenama-jenama rokok melalui television. Pengharaman iklan-iklan rokok oleh Kementerian ini adalah memadai dan Kementerian berpendapat pengalaman iklan jenama-jenama rokok adalah tidak berapa adil kerana pada masa yang sama, mereka juga memberi perkhidmatan dan mengeluarkan barang-barang sejenis yang lain. Pada masa ini, pihak Kementerian membenarkan iklan-iklan tersebut dikeluarkan dengan syarat-syarat tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kehilangan hasil pula, bagi tahun 1990 sekiranya Kerajaan mengharamkan semua iklan yang menggunakan jenama rokok, RTM akan kehilangan pendapatan sebanyak \$75 juta iaitu sebahagian besar daripada hasil pengiklanan RTM. Bagi tahun 1991 pula adalah dianggarkan hasil pengiklanan RTM akan kerugian sebanyak \$84 juta.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapakah hasil yang dikutip oleh RTM melalui pengiklanan ini dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menswastakan unit pengiklanan ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya baru menyebut tadi bahawasanya kiranya pengiklanan jenama rokok ini diharamkan, RTM akan kehilangan pendapatan sebanyak \$75 juta pada tahun 1990 daripada jumlah hasil \$180 juta daripada jumlah keseluruhan pengiklanan RTM dan pada tahun 1991 saya telah menyatakan angkanya ialah \$84 juta berdasarkan kepada keseluruhan \$200 juta.

Soalan yang kedua, adalah dalam pertimbangan kita.

Tuan Foo Piew Kok: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengisytiharkan beberapa tempat misalnya di panggung wayang, lapangan terbang dan hospital itu dilarang merokok tetapi di sebelahnya iklan rokok itu ada di suratkhbar, TV, radio dan papan iklan merata-rata. Sama ada Kerajaan sedar kedua-dua langkah itu adalah bercanggah di antara satu dengan lain. Berikutan dengan langkah-langkah diambil untuk menggalakkan tidak merokok, apakah kesannya sama ada kadar menghisap rokok itu telah turun. Apakah langkah-langkah yang wajar untuk mengurangkan penghisap rokok dan bukanlah bersandiwara sahaja.

Soalan yang kedua, sama ada Kerajaan akan memberikan satu insentif untuk pesakit yang tidak merokok itu, misalnya mengecualikan bayaran perubatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa sebahagian daripada soalan itu tadi ada bersangkutan dengan bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar sebahagian besar adalah terkeluar daripada soalan asal tetapi sedikit sahaja iaitu dari segi iklan rokok yang diadakan oleh Majlis-majlis Tempatan, itupun tidak kena-mengena dengan RTM, hanya kalau perlu saya jawab iaitu adakah pengiklanan rokok dalam RTM ini bertentangan dengan dasar-dasar lain? Saya rasa tidak kerana baru-baru ini dalam perbahasan peruntukan Kementerian Perusahaan Utama, Ahli Yang Berhormat dari Bachok umpamanya sangat-sangat mengharapakan agar penanaman tembakau ini jangan dihapuskan sekali gus. Ini bererti bahawa konon katanya 144,000 atau 150,000 pekerja akan

menganggur dan 32,000 keluarga akan kehilangan pekerjaan dan 30,000 ekar tanah akan habis, jadi ini adalah sejajar dengan kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa bagi pertanyaan Jawab Mulut telahpun cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 12 dan 15 hingga 19 adalah diberi di bawah ini).

MENAMBAH KERUSI PARLIMEN DI SABAH

10. Tuan Taimin bin Lumaing minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah kerusi-kerusi Parlimen bagi negeri Sabah.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kajian semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri akan dilakukan dalam urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya yang dijangka akan diadakan pada tahun 1992. Kajian ini akan melibatkan juga bahagian-bahagian Parlimen dan Negeri di negeri Sabah. Sama ada perlu ditambah atau tidak bahagian-bahagian pilihanraya tidak boleh dinyatakan sekarang kerana kajian belum bermula.

NAMA PEMILIH KAD PENGENALAN PALSU

12. Tuan Michael Asang minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menggugurkan nama-nama yang dipercayai memegang kad pengenalan palsu daripada daftar pemilih Sabah seperti yang tersiar di surat-surat khabar tempatan pada Ogos, 1990 lalu.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: SPR akan mengambil tindakan menggugurkan nama pemilih-pemilih yang kad pengenalan mereka telah disahkan sebagai palsu oleh jabatan yang berkuasa berbuat demikian. Selagi tidak ada pengesahan, Suruhanjaya tidak boleh menggugurkan nama pemilih dari daftar pemilih dengan sewenang-wenangnya.

NAIB CANCELOR UNIVERSITI MALAYA—CUTI PENYELIDIKAN

15. Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) benarkah laporan yang menyebut bahawa Naib Cancellor Universiti Malaya tidak akan disambung khidmatnya selepas tempoh cutinya tamat. Jika benar, adakah ia ada hubungannya dengan siasatan BPR terhadapnya;
- (b) jika ia bersabit dengan siasatan BPR, mengapa dia dikenakan tindakan sebelum Mahkamah membuktikannya bersalah;
- (c) Kementerian Pendidikan ada mengeluarkan kenyataan berhubung dengan laporan penyiasatan terhadap Naib Cancellor itu. Adakah Menteri berhajat menjelaskan butir-butir laporan itu. Jika tidak, mengapa. Dan jika ya, apakah kandungan laporan itu.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Naib Cancellor Universiti Malaya diberi cuti penyelidikan. Kontrak perkhidmatan beliau telah ditamatkan pada 15-1-1991.
- (b) Pemberian cuti beliau adalah tidak ada kaitan dengan tindakan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan pemberian cuti tersebut tidak boleh diertikan sebagai tindakan

Kerajaan terhadap beliau berkaitan dengan kes BPR.

- (c) Kementerian Pendidikan telah pun mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai laporan BPR pada 28-10-90. Kementerian tidak bercadang untuk menjelaskan butir-butir laporan itu kerana ia hanya berhubung dengan tatacara biasa dalam pentadbiran.

SKIM CEPAT KAYA

16. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Kewangan menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) berapa banyakkah jumlah Skim Cepat Kaya yang sudah dikenalpasti kegiatannya di seluruh negara;
- (b) bagaimanakah cara mengatasinya dan tindakan Bank Negara bagi mengawal keadaan itu; dan
- (c) apakah kesannya terhadap pelaburan Bumiputera seperti ASN-ASB dan lain-lainnya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Oleh kerana jawapan kepada soalan yang berkenaan telah dirangkumkan sekali pada 13-12-1990 semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat daripada Kuala Kedah, saya tidak bercadang menambah apa-apa kepada jawapan berkenaan. Saya berharap Yang Berhormat dapat merujuk Penyata Rasmi Parlimen untuk hari itu.

STESYEN TELEVISYEN DI SARAWAK/SABAH—PEMBINAAN

17. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebab Kerajaan Persekutuan tidak mempertimbangkan cadangan untuk membina sebuah stesyen televisyen didirikan di negeri Sarawak atau Sabah ke arah integrasi nasional.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Objektif asas Kementerian melalui RTM adalah untuk membantu Kerajaan mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang bersatupadu. Kerajaan menyedari bahawasanya untuk mencapai perpaduan yang sejati, usaha ke arah integrasi nasional melalui media elektronik adalah perlu diberi keutamaan.

Kementerian Penerangan berpendapat untuk mencapai cita-cita yang dimaksudkan di atas, stesyen-stesyen yang ada sekarang sudah memadai untuk maksud integrasi nasional.

Sungguhpun rancangan-rancangan yang disediakan oleh RTM berpunca dari Kuala Lumpur tetapi keseluruhan siaran mengambilkira keperluan dan kehendak masyarakat di setiap negeri. Kementerian berpendapat mengadakan program-program melalui satu siaran nasional untuk mewujudkan integrasi nasional adalah wajar dan mengadakan siaran-siaran yang bebas di setiap negeri dan daerah tidak akan menyumbang ke arah integrasi nasional.

TENDER BAGI PEMBEKALAN CATUAN PENJARA

18. Tuan G. Palanivel minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sudahkah kajian semula sistem tender bagi pembekalan catuan (rations) penjara dilaksanakan seperti yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Akaun Awam (Public Accounts Committee) bagi mengelakkan manipulasi harga. Jika sudah apakah perubahan-perubahannya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Kementerian ini telahpun selesai membuat kajian semula sistem tender bagi pembekalan catuan (rations) kepada Jabatan Penjara. Beberapa perubahan-

perubahan telah dibuat seperti mengemaskini syarat-syarat kontrak, menubuhkan Jawatan Kecil Perolehan, melantik Pegawai-pegawai Kanan Penjara untuk melaksanakan kontrak, menganjurkan seminar perolehan dan menguatkuasakan kontrak.

PERANCANGAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR— KEMUDAHAN AWAM

19. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) mengikut pengumuman Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 20 September 1990, para pemaju perumahan di bandaraya pada masa akan datang akan dikenakan syarat menyediakan balai bomba mini, balai polis dan sekolah dalam kawasan yang dimajukan. Ekoran daripada penguatkuasaan syarat-syarat ini, apakah bilangan balai bomba mini, balai polis dan sekolah yang mungkin wujud di Wilayah Persekutuan, khususnya kawasan Kepong. Bolehkah Kerajaan memberi penjelasan yang lebih terperinci mengenai cadangan ini;

(b) dengan cadangan sedemikian, ia bukan keterlaluan jika kawasan Kepong mempunyai sebuah balai bomba untuk perkhidmatan kepada kawasan-kawasan perumahan tersedia ada. Maka bilakah kawasan Kepong Baru dan Taman Bukit Maluri akan mempunyai sebuah balai bomba. Mengapakah Kerajaan masih enggan memberi peruntukan untuk tujuan ini, terutama sekali bila kesesakan jalan di kawasan Kepong menghalang bantuan bomba sampai dengan cepat bila berlakunya kebakaran;

(c) adakah Kerajaan berpegang teguh enggan menyediakan perkhidmatan bomba di Kepong Baru tetapi menunggu sehingga syarat DBKL berkuatkuasa. Bilakah DBKL bercadang mula menguatkuasakan syarat ini. Apakah faktor-faktor yang perlu dibincangkan dan diselesaikan sebelum syarat ini boleh dikuatkuasakan. Mengapakah DBKL tidak mensyaratkan pada pemaju yang telah atau sedang memajukan perumahan di Wilayah Persekutuan termasuk Kepong bekerjasama untuk menyediakan sebuah balai bomba bagi kawasan perumahan yang tersedia ada; dan

(d) bagaimana pula dengan penyediaan kemudahan pejabat pos di Kepong.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):

(a) Berdasarkan amalan perancangan DBKL sekarang pelbagai jenis kemudahan awam perlulah disediakan oleh pemaju perumahan dalam pembangunan skim-skim perumahan mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Piawaian perancangan ini akan menentukan bilangan dan jenis kemudahan awam yang perlu disediakan sama ada dalam bentuk bangunan atau tapak-tapak kosong. Bagi pembinaan balai bomba adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tetapi DBKL akan menyediakan tapak pembinaan Balai Bomba mengikut keperluan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Mengikut pelan struktur Kuala Lumpur, pada tahun 2,000 jumlah anggaran keper-

luan kemudahan awam di kawasan Kepong adalah seperti berikut:

	<i>Sedia ada</i>	<i>Cadangan</i>	<i>Jumlah</i>
Balai Bomba	1 buah	2 buah	3 buah
Balai Polis	3 buah	5 buah	8 buah
Sekolah	17 buah (4 Sekolah Menengah dan 13 Sekolah Rendah)	6 buah tapak pembinaan bagi sekolah	23 buah

(b) Buat masa sekarang kawasan Kepong mempunyai sebuah Balai Bomba di Jinjang Utara yang memberi perkhidmatan kepada kawasan-kawasan perumahan khususnya kawasan Kepong Utara, Kepong Baru, Taman Kepong dan Jinjang Selatan. Cadangan untuk membina 2 buah lagi Balai Bomba telah ada dalam perancangan Kerajaan dan 2 kawasan cadangan tapak Balai Bomba telahpun diluluskan iaitu di tapak berhampiran Pasar Borong dan di Taman Bukit Maluri.

(c) Pihak Kerajaan tidak menunggu pelaksanaan syarat penguatkuasaan DBKL kepada pemaju untuk membina Balai Bomba di kawasan perusahaan kerana syarat-syarat penguatkuasaan ini masih dalam perancangan DBKL dan belum ditentukan bila syarat ini akan dikuatkuasakan. Faktor-faktor yang diambil kira dalam menentukan syarat-syarat pembinaan kemudahan awam ini ialah bilangan penduduk, keluasan kawasan perumahan dan pembangunan kemudahan awam yang sedia ada.

(d) Bagi kemudahan Pejabat Pos pula, di kawasan Kepong terdapat 4 buah Pejabat Pos yang sedia ada. Anggaran keperluan kepada Pejabat Pos ini dalam tahun 2,000 ialah sebanyak 6 buah sahaja (tambahan 2 buah).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dan Anggaran Pembangunan, 1991 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Kesebelas)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40, B.41 dan B.42 (Jadual)—

Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri sambung jawapan.

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tuaran juga telah bercakap tentang masalah Jabatan Pendaftaran Negara yang mana masalah orang-orang buta huruf yang masih tidak ada kad pengenalan. Dalam perkara ini, Jabatan Pendaftaran akan mengambil perhatian yang serius dan akan menyelesaikan masalah tersebut terutamanya bagi yang tinggal di kawasan sepertimana yang kita lakukan di Sarawak.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang adanya sindiket-sindiket yang mengeluarkan kad pengenalan yang boleh didapati selama dalam jangka masa dua minggu. Jabatan Pendaftaran Negara memohon sangat akan kerjasama dari pihak yang terlibat untuk melaporkan kepada pihak Jabatan ini supaya tindakan dapat diambil. Adakah kad pengenalan yang dikeluarkan itu kad pengenalan palsu atau ada pihak-pihak yang telah menyelewengkan tanggungjawab mereka.

Yang Berhormat dari Sibu telah membangkitkan tentang perkara RASCOM dan meminta supaya RASCOM ini dapat menjalankan aktiviti mereka dalam meningkatkan kehidupan rakyat di Sarawak. Ini adalah disebabkan aktiviti ancaman Parti Komunis Kalimantan Utara atau PKKU tidak wujud lagi di Sarawak. Yang Berhormat juga menyarankan peruntukan untuk RASCOM ini janganlah dikurangkan. Peranan dan kedudukan RASCOM ini adalah dalam peringkat kajian oleh agensi-agensi yang terlibat seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Majlis Keselamatan Negara. Oleh itu, saranan dari Yang Berhormat itu akan diberi perhatian.

Yang Berhormat juga telah meminta pemohon-pemohon passport antarabangsa baru di Sibu supaya tidak lagi dibuat di Kuching tetapi dikeluarkan oleh Pejabat Imigresen di Sibu sahaja. Pada masa ini di seluruh Malaysia, passport antarabangsa baru dikeluarkan di ibu negeri. Belum lagi diberi kebenaran kepada cawangan-cawangan sepertimana di Sibu boleh menerima permohonan tetapi proses pengeluaran dibuat di Kuching. Kalau di Pahang, di Kuantan; kalau di Kedah, di Alor Setar; kalau di Perak, di Ipoh. Walaupun di cawangan-cawangan ada Pejabat Imigresen, perkara ini akan dipertimbangkan apabila keperluan mendesak. Kuasa untuk mengeluarkan passport antarabangsa baru sekarang ini

adalah dalam bidang kuasa Pengarah Imigresen Negeri yang berpusat di ibu negeri berkenaan.

Yang Berhormat dari Nilam Puri telah membangkitkan masalah sistem alat-alat komunikasi Polis DiRaja Malaysia tidak setanding dengan alat-alat komunikasi sindiket-sindiket pelacuran dan perjudian. Pihak Kementerian dan juga PDRM sentiasa memberi perhatian serius atas perkara ini dan dengan peruntukan yang diluluskan kelak, pihak Polis DiRaja Malaysia akan cuba seberapa daya melengkapkan alat-alat komunikasi yang lebih baik untuk memintas kegiatan maksiat dan perjudian ini.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang adanya majikan-majikan menganiaya pembantu-pembantu rumah terutamanya pembantu-pembantu rumah asing. Perkara ini jika ada laporan dibuat, pihak Kementerian dan juga pihak Polis akan mengambil tindakan. Yang Berhormat juga membangkitkan ada pembantu-pembantu rumah Islam dari luar negeri yang bekerja di rumah-rumah orang bukan Islam. Dalam hal ini, Kementerian sungguh mengambil pandangan yang serius kerana dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian terhadap pembantu-pembantu rumah ini di mana pembantu-pembantu rumah dari Indonesia mestilah semuanya Islam dan bekerja di rumah orang-orang Islam. Bagi pembantu-pembantu rumah dari Filipina pula, mereka hanya dibenarkan untuk bekerja di rumah orang-orang yang bukan Islam. Kalau ini didapati bercanggah, pihak Kementerian tidak akan meluluskan permohonan mereka.

Yang Berhormat juga telah bercakap tentang masalah dadah di mana kononnya ada bekas-bekas penagih termasuk artis dipergunakan untuk memberi ceramah di Pusat-pusat Serenti dan juga di Program-program Pencegahan Pendidikan Anti-Dadah.

Dalam hal dadah ini, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian, terutama Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri sungguh berhati-hati dalam memilih penceramah-penceramah.

Memang benar kita pernah menggunakan bekas-bekas penagih-penagih, tetapi persembahan bekas-bekas penagih ini sungguh berkesan kerana mereka mengeluarkan perasaan mereka, pengalaman mereka sendiri dan keinsafan mereka dalam ceramah-ceramah mereka. Ini akan memberi kesedaran yang sungguh mendalam di kalangan pelatih-pelatih yang ada di Pusat Serenti juga di kalangan penuntut-penuntut sekolah.

Pihak Kementerian Dalam Negeri memang menggalakkan bekas-bekas penagih yang benar-benar insaf ini, yang benar-benar pulih ini tampil ke hadapan untuk membantu penagih-penagih dalam rawatan mereka. Jika boleh ibubapa bekas-bekas penagih yang telah pulih ini juga digalakkan untuk memberi ceramah, kerana pengalaman mereka dalam menghadapi suasana sedih semasa anak mereka menagih dadah adalah sungguh baik jika diketahui oleh orang lain supaya ibubapa yang belum terkena masalah ini, dapat menyedari hakikat bagaimana pahit dan bahayanya apabila anak-anak mereka telah menghisap dadah.

Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menawarkan diri untuk menjadi penceramah di Pusat-pusat Serenti dan juga di majlis-majlis lain yang berunsurkan anti-dadah, dan kalau ramai lagi ahli-ahli Pembangkang yang menawarkan diri, inilah petanda yang cukup baik kerana dadah sendiri tidak mengenal batasan—ia akan melanda anak orang UMNO, anak orang PAS, anak orang DAP, anak orang Semangat 46, anak kerabat Di-Raja, anak pegawai tinggi, anak Menteri dan seterusnya anak nelayan atau anak penoreh getah.

Sukacita saya menyebut di sini bahawa selama saya menjadi Presiden PEMADAM, saya tidak pernah menggunakan PEMADAM sebagai pentas politik saya. Dengan sebab itu, saya berharap ahli-ahli Pembangkang boleh bersikap jujur dan ikhlas dalam hal ini dan ketepikanlah ideologi politik dalam kita membasmi penyalahgunaan dadah ini. Saya sendiri bersedia untuk mengaturkan, terutama Yang Berhormat dari Nilam Puri acara-acara yang mana Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian boleh melibatkan diri dalam kempen anti-dadah ini.

Mengenai dakwaan penyalahgunaan wang di Balai Polis Jasin, perkara ini telahpun diambil tindakan di mana pegawai yang bertanggungjawab telah pun dipenjarakan.

Mengenai kes Pegawai Trafik Jalan Bandar, perkara ini telah diselesaikan di mana wang yang telah disalahguna oleh Kerani Kewangan itu telah dipulangkan kepada Kerajaan dan tindakan tatatertib terhadap pegawai itu sedang diambil. Yang Berhormat juga telah menyarankan tentang kegiatan sindiket-sindiket yang membawa pelacur-pelacur dari Thailand ke Pulau Langkawi, perkara ini pihak Kementerian belum mendapat kepastian, bagaimanapun pihak Polis Merin akan memperketatkan rondaan mereka dan bagi pihak Polis biasa pula yang berada di Pulau Langkawi akan meneliti keadaan ini supaya gejala buruk ini dapat kita basmikan

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, ada yang bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa sudah lupa menjawab soal bateri "Alkaline" yang rosak itu melibatkan wang berjumlah lebih kurang \$500,000 dan juga saya mahu tahu yang kes Batalion Kesembilan, Kem Bakri, Muar ini, wang

yang hilang ini diketahui oleh Ketua Audit Negara atau Polis sendiri? Itu yang saya mahu tahu. Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bukit Bintang cuba ingat betul-betul semalam, Yang Berhormat bercakap dahulu daripada Ahli dari Nilam Purikah atau kemudian? Kalau kemudian, saya sekarang ini menjawab Ahli dari Nilam Puri. Jadi, Yang Berhormat tunggu dahululah.

Tuan Wee Choo Keong: Saya takut Yang Berhormat

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tidak.

Tuan Wee Choo Keong: Side-step yang saya takut itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tidak, saya akan jawab satu persatu.

Tuan Wee Choo Keong: Saya takut Menteri side-step, terus duduk.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sabar, Yang Berhormat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya tidak erti hendak side-step, saya straight step sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Yang Berhormat dari Kampar telah menyarankan agar rakyat Malaysia yang berhijrah ke negeri China sebelum kemerdekaan setelah diberi nikmat untuk melawat ke Malaysia boleh juga diberi taraf Penduduk Tetap jika mereka memohon. Dalam perkara ini mereka adalah dianggap sebagai rakyat-rakyat negara lain yang biasa, yang harus menepati undang-undang negara ini dan apabila cukup tempoh masanya mereka bolehlah memohon, tetapi perlu

diingatkan di sini bahawa hak untuk memberi taraf tersebut adalah hak atau bidangkuasa Menteri. Dengan sebab itu, terpulanglah kepada pihak Menteri untuk menganugerahkan taraf tersebut. Polisi kita bukanlah meniru apa negara lain buat, apa yang penting sekali ialah polisi yang kita wujudkan terpaksa berlandaskan kepada kepentingan rakyat dan kepentingan negara kita.

Yang Berhormat dari Kota Melaka pula telah membangkitkan masalah kawalan pihak Polis di tempat-tempat yang sensitif termasuk kawasan takungan air di Melaka. Jika ada perkara-perkara yang disyaki tidak baik berlaku di kawasan tersebut pihak yang bertanggungjawab atas tempat-tempat tersebut mestilah melaporkan kepada pihak Polis supaya kawalan yang lebih ketat dapat dibuat oleh pihak Polis. Jadi, jika ada sesuatu perkara yang tidak baik berlaku tetapi tidak dilaporkan kepada pihak Polis tidaklah boleh disalahkan kepada pihak Polis sahaja.

Berkenaan dengan sabotaj di Kolam Air Melaka, pihak Polis tidak menerima apa-apa laporan rasmi. Bagaimanapun, pihak Polis akan menjalankan penyiasatan di atas dakwaan itu.

Tentang permohonan Yang Berhormat berkenaan dengan bilangan tahanan ISA di Kamunting

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, mengenai dakwaan sabotaj yang dibuat oleh Ketua Menteri Melaka Y.A.B Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik, itu satu dakwaan yang sangat serius. Saya hendak tahu siapakah yang mengawal tempat-tempat sensitif tersebut, terutamanya Ampangan Air di Durian Tunggal, Melaka yang

menyebabkan ketiadaan air di negeri Melaka. Dan memandangkan bahawa dakwaan serius ini dibuat oleh pemimpin tertinggi Negeri Melaka—pemimpin tertinggi Negeri Melaka—ini adalah satu dakwaan yang sangat serius, sama ada dakwaan itu benar. Kalau benar, adakah orang-orang yang terlibat ditangkap? Kalau tidak benar ini adalah satu ketidakadilan ke atas pengawal-pengawal Ampangan Air di Durian Tunggal. Saya harap Timbalan Menteri boleh membuat penjelasan. Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada setengah-setengah agensi menggunakan security swasta dan ada setengah-setengah agensi menggunakan "In-House Security", dengan izin. Saya pun tidak tahu adakah kawasan bekalan air ini menggunakan sekuritanya sendiri atau sekuriti swasta, tetapi bagi pihak Polis jika kawasan yang difikirkan sensitif itu memerlukan kawalan Polis, satu permohonan rasmi mestilah dibuat. Tetapi dalam hal ini tentang kawasan kolam air Melaka ini, pihak Polis tidak bertanggungjawab dalam hal mengawal-nya, kerana tidak ada permohonan rasmi dibuat. Jadi, saya pun tidak tahu sekuriti mana atau badan keselamatan mana yang ditugaskan untuk menjaga kolam air ini yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya membuat satu permohonan rasmi bahawa pihak Polis mengambilalih kerja kawalan ke atas ampangan air, nampaknya kecuaiannya telah berlaku seperti yang didakwa oleh Ketua Menteri Melaka dan ini adalah satu perkara yang sangat serius. Kalau kawasan ini boleh dimasuki dengan begitu senang sahaja, ini sangat bahaya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, saya ingat sebagai Wakil Rakyat negeri Melaka eloklah cadangkan Kerajaan Barisan Nasional Melaka untuk berhubung dengan pihak saya.

Tentang permohonan Yang Berhormat berkenaan dengan bilangan tahanan ISA di Kamunting, inginlah saya memperbetulkan bilangan yang saya bentangkan semalam. Apa yang saya sebutkan semalam adalah setakat 13-12-1990 tetapi pada hari ini bilangan tahanan yang ada di pusat tahanan ialah 150 orang di mana wujud penambahan bilangan bagi tahanan CPML (Communist Party Malaysia). Dan yang kedua memang ada warga-negara asing seramai 2 orang yang ditahan dalam Operasi Sumbu iaitu yang terlibat dalam menjual maklumat berperingkat-peringkat kepada negara asing. Dan oleh kerana Yang Berhormat dari Kota Melaka terlalu ingin sangat mengetahui jantina tahanan daripada 150 orang, 57 orang adalah wanita dan kesemuanya adalah di bawah CPML yang menyerah diri, kesemua 150 orang yang ada dalam tahanan sekarang adalah mereka yang ditahan kerana melakukan kegiatan-kegiatan yang mengancam keselamatan negara.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kota Melaka bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Beri jalan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya ingin bertanya daripada dua orang asing tersebut dari negara mana mereka berasal?

Yang kedua, boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan bilangan orang yang masih di bawah RR di bawah ISA, bilangan mereka terutamanya

mengenai dua orang tahanan iaitu Chong Kon Fat, Hin Boon Liang dan satu lagi Tiu Liew Hock, apakah status mereka sekarang? Mengapakah RR masih dikenakan ke atas mereka? Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk menjaga keharmonian negara-negara jiran lebih baiklah tidak payah saya sebutkan secara rasmi di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Guan Eng: Yang mana satu negeri ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Berhampiran dengan negara kita.

Tentang soalan yang kedua, saya mohon masa untuk saya menyelidik perkara ini, kerana pegawai-pegawai saya pun ada di sini dan secara bertulis saya akan memberitahu Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bukit Bintang?

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan orang tahanan pada masa ini berjumlah 150 orang. Tetapi dalam bulan Jun 1990 pada sesi Parlimen Ketujuh, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan pada masa itu orang tahanan cuma ada 88 orang sahaja. Ini bermakna Jun hingga sekarang, 5 bulan, kita ada meningkat 100% increase. Siapa yang 88 orang ini dan bahagian apa yang mereka dikenakan tahanan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, sepertimana kita maklum, setelah kita menandatangani Perjanjian Perletakan Senjata dengan Parti Komunis, maka ramai daripada mereka telah menyerah diri dan bilangan inilah yang telah berlipat-ganda, yang telah meramaikan kawasan Kamunting yang indah, sepertimana kata wakil dari

Pasir Mas. Tentang Yang Berhormat mengatakan bahawa Unit Pasukan Simpanan Persekutuan melakukan . . .

Tuan Wong Wing On: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kampar bangun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Begini, Tuan Pengerusi . . .

Tuan Wong Wing On: Sedikit sahaja.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Masa semua Yang Berhormat bercakap, saya tidak bangun langsung, saya catit sahaja. Bila saya bercakap, semua hendak bangun, mungkin kerana saya terlalu baik, jadi kesempatan diambil. Berilah peluang kepada saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri atau tidak?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tak apalah, satu sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Wong Wing On: Tuan Pengerusi, mengenai tahanan CPML, adakah mereka yang ditahan itu menyerah diri kepada Kerajaan ataupun ditangkap oleh Kerajaan memandangkan perjanjian perdamaian di antara Kerajaan dan CPML adalah di antara Kerajaan dan CPML golongan Chin Peng sahaja dan bukan CPML. Adakah mereka ditangkap atau mereka menyerah diri kepada Kerajaan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kebanyakan daripada mereka adalah menyerah diri. Jadi mereka di sana menjalankan pemulihan kerana kita tahu kita juga kena jaga keselamatan mereka kerana ramai daripada rakyat kita yang sudah kehilangan bapa, yang sudah kehilangan abang kerana peperangan dahulu. Mungkin mereka ini hendak menuntut dendam. Jadi sebab itu kita

terpaksa pulihkan mereka, tentukan mereka selamat sebelum kita keluarkan mereka. Tidak usah gaduhlah fasal itu, kita akan jaga mereka. Tentang Yang Berhormat mengatakan bahawa Unit Pasukan Simpanan Persekutuan . . .

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, Jelutong bangun. (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, ada dua tahanan yang telah melarikan diri dari Pusat Tahanan Kamunting. Bolehkah saya dapat tahu adakah dua orang ini dikesan sehingga hari ini dan bolehkan saya mendapat tahu juga adakah apa-apa tindakan diambil ke atas mana-mana pegawai di atas apa yang berlaku?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, kedua-dua tahanan ISA ini telah dapat melarikan diri dan mungkin dengan pertolongan orang luar. Mereka telah sempat keluar daripada negara ini dan tidak dapat dikesan. Pihak penjara telahpun mengambil tindakan kepada pegawai yang bertanggungjawab di mana pegawai ini telah dimasukkan, dengan izin, cold storage activity. Itulah sahaja yang dapat saya nyatakan.

Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan bahawa Unit Pasukan Simpanan Persekutuan kadangkala bersikap kasar. Ini terpulanglah kepada keadaan. Kalau kumpulan yang ramai itu berkelakuan baik, aman, maka Anggota Pasukan Simpanan juga akan berlemah-lembut. Tetapi kalau kumpulan yang berkumpul itu melakukan kekasaran, memaling batu, memaling kereta, memaling botol dan sebagainya maka pihak FRU tentulah lain cara bertindakya.

Yang Berhormat dari Kelang telah membangkitkan masalah pendatang tanpa izin ke negara ini dan menekankan mengapakah kita tidak tahu berapakah

bilangan mereka. Oleh kerana mereka datang tanpa izin, tentulah mereka menyeludup masuk dengan menggunakan tempat-tempat yang tidak boleh dikesan oleh pegawai-pegawai Imigresen. Dengan kata lain, mereka masuk secara haram. Bila masuk secara haram, bagaimanakah kita tahu bilangan mereka? Kita akan hanya mengetahui bilangan orang-orang luar yang datang ke negara ini jika mereka masuk di pintu-pintu rasmi negara. Dengan sebab itu adalah sukar untuk kita mengetahui bilangan mereka.

Bagaimanapun, Jabatan Imigresen bersama-sama dengan Polis, Tentera sentiasa menjalankan operasi untuk mengesan mereka ini dan jika didapati, mereka akan dihantar pulang. Setakat hari ini Jabatan Imigresen telah berjaya menghantar pulang lebih kurang 250,000 pendatang-pendatang tanpa izin kembali ke negara asal mereka.

Ada pula pihak yang mengatakan bahawa Kementerian akan memberi kad pengenalan biru kepada mereka. Perlu diingatkan, kita mempunyai undang-undang dan peraturan bagaimana hendak menjadi penduduk tetap ataupun warganegara. Kalau lima tahun mereka telah tinggal di sini, mereka layak memohon penduduk tetap dan duabelas tahun selepas itu mereka layak memohon untuk menjadi warganegara. Bila undang-undang ditepati, maka adalah hak dan kuasa Menteri untuk menganugerahkan taraf tersebut. Adalah tidak mustahil bagi orang-orang luar ini yang telah menetap di negara ini hampir 20 tahun mendapat taraf warganegara jika telah menepati segala undang-undang yang ada untuk mendapatkan taraf yang sedemikian.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah menyarankan bahawa dengan wujudnya perkembangan pembangunan yang pesat di kawasan-kawasan FELDA, maka sangat-sangat diperlukan balai-balai dan pondok-pondok Polis diadakan supaya senang orang ramai meng-

hubungi pihak Polis. Pihak Polis DiRaja memang mengkaji perkara ini dari masa ke semasa dan sering kali menghubungi pihak FELDA dan FELCRA untuk memberi kerjasama, misalnya memberikan beberapa buah rumah dalam rancangan FELDA dan FELCRA untuk dijadikan pondok-pondok Polis dan ini sering kali dilakukan.

Tentang peranan Polis Hutan pula, oleh kerana ancaman bersenjata PKM telah pun tamat, pihak PDRM akan menggunakan tenaga Polis Hutan ini di bahagian-bahagian lain seperti di bahagian lalulintas, unit pelancong, semboyan dan lain-lain bahagian yang memerlukan. Setakat ini seramai 2,481 orang pegawai dan anggota Polis Hutan dari 16,476 orang anggota Polis Hutan ke semuanya telah disandarkan ke unit-unit berkenaan.

Tentang kad pengenalan baru pula, inginalah saya menyatakan di sini bahawa Jabatan Pendaftaran Negara sedang giat memproses hampir 500,000 kad pengenalan jenis baru.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Maran yang juga telah memuji Ketua Pengarah Penjara yang baru dan diharapkan dengan ucapan terima kasih ini, beliau, iaitu Ketua Pengarah ini akan bekerja dengan lebih baik lagi untuk kepentingan Jabatan Penjara dan dengan peruntukan yang akan diluluskan ini juga Jabatan Penjara akan membaik-pulih penjara-penjara yang ada supaya ianya benar-benar selamat. Program untuk mengubah tempat penjara yang ada pada hari ini seperti Penjara Alor Setar, Penjara Johor Bahru dan Penjara Pudu akan dilaksanakan secara peringkat demi peringkat.

Yang Berhormat dari Alor Setar telah menyarankan tentang prestasi kerja Jabatan Imigresen tidaklah berapa memuaskan. Saya pun tidak tahulah adakah dakwaan ini benar atau tidak,

tetapi di masa-masa kebelakangan ini prestasi Jabatan ini adalah menjadi perbualan orang ramai terutama apabila kaunter pada hari Ahad telah dibuka di Kuala Lumpur yang boleh meringankan bebanan orang ramai untuk mendapatkan layanan daripada jabatan itu. Jika skim ini bergerak baik di Kuala Lumpur, berkemungkinan akan dipertimbangkan untuk tempat-tempat lain juga. Bagaimanapun, pada masa ini Jabatan ini sedang memproses penggunaan komputer. Apabila komputer-komputer ini telah dilengkapi di Pejabat-pejabat Imigresen, terutamanya di Pejabat-pejabat Imigresen pintu masuk rasmi, maka masalah yang diperkatakan oleh orang ramai itu dapatlah kita perbetulkan.

Yang Berhormat dari Kota Setar telah membangkitkan tentang ada akhbar-akhbar yang telah mengeluarkan berita-berita yang tidak betul yang kononnya fitnah semata-mata. Dalam hal kebebasan akhbar ini, inilah style Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang tidak mahu mengongkong sangat akhbar-akhbar, tetapi menyarankan agar akhbar-akhbar janganlah melampaui batasan, terutama isu-isu perkauman, isu-isu agama, isu-isu bahasa dan juga adat resam kaum-kaum di negara ini. Pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi perkara ini dan jika ada pihak-pihak yang telah pun terkeluar dari batasan, nasihat-nasihat akan diberikan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat dari Kota Setar juga telah menyarankan agar anggota polis yang mencapai akademik yang baik semasa bertugas mendapat elaun khas. Dalam hal ini memanglah Polis DiRaja Malaysia menggalakkan anggota-anggota mencapai akademik yang baik. Lepas itu mereka akan dipelawa memohon jawatan yang lebih tinggi seperti Inspektor dan sebagainya dan dengan itu gaji mereka tentulah bertambah baik.

Yang Berhormat dari Ipoh telah memberi pengakuan bahawa sokongan ahli-ahli Pembangkang terutama DAP terhadap kebajikan anggota polis telah dibuat dengan perasaan jujur dan ikhlas. Saya harapkan kejujuran dan keikhlasan itu adalah satu keikhlasan yang jitu dan bukan berunsur politik.

Tentang statistik tajuk-tajuk berita dari akhbar-akhbar Cina yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu saya ucapkan terima kasih. Tetapi yang penting bukanlah bilangan yang menjadi ukuran. Yang mustahaknya ialah berat atau ringannya satu-satu tajuk berita itu kerana itulah yang akan memikat hati rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat dari Lubuk Antu telah lagi sekali bercakap tentang peranan Jabatan Pendaftaran untuk menyelesaikan masalah pendaftaran, kelahiran dan juga kad-kad pengenalan di kawasan-kawasan pendalaman. Saya telah menjawab perkara ini dengan panjang lebar dan ingin saya nyatakan bahawa masalah ini diambil berat oleh Yang Amat Berhormat Menteri sendiri di mana telah diadakan satu mesyuarat khas tentang masalah ini. Begitulah beratnya pandangan Kementerian Dalam Negeri tentang masalah yang dibawa oleh Yang Berhormat dan ini akan kita laksanakan.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah bertanya tentang hal pembelian bateri yang bernilai \$459,180 yang dikemukakan oleh Ketua Audit Negara. Kesilapan ini adalah kerana keadaan pengurusan stok. Dengan sebab itu pihak Polis DiRaja Malaysia sedang mengemaskinikan tentang pengurusan stok agar barang-barang yang dibeli terutama barang-barang yang cepat rosak tidak membazir apabila ia tidak boleh dipergunakan. Perkara ini telahpun diselesaikan dan akan diambil perhatian secara yang serius.

Tentang \$28,000 yang dimasukkan ke dalam akaun Kelab Polis Kem PPH Muar, perkara ini telah pun diselesaikan dan wang itu telah pun dikreditkan ke dalam akaun Kerajaan.

Tentang penglibatan pendatang tanpa izin Indonesia dalam jenayah negara ini, ingin saya menyatakan bahawa penglibatan mereka adalah tidak sampai 4% dan bagi mereka yang melakukan perkara itu setelah mereka dihukum, mereka akan dihantar balik ke negara asal mereka.

Tentang tempat tahanan ISA di peringkat seksyen 73 (1) perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian. Jadi, Yang Berhormat Bukit Bintang kerana, Tuan Pengerusi, ada overlapping, dengan izin, saya pun telah menjawab setengah daripada perkara apabila perkara ini dibawa oleh Wakil dari Nilam Puri.

Yang Berhormat dari Bayan Baru pula telah menyarankan bahawa kenaikan gaji 5% bagi perkhidmatan awam termasuk anggota polis tidaklah begitu adil. Keadilan begitu subjektif Yang Berhormat dalam hal kenaikan gaji ini. Ada orang berkata 10% pun tidak adil kalau harga barang terlalu mahal. Sepatutnya kita haruslah bersyukur atas kenaikan ini dan apabila keadaan ekonomi lebih baik, Kerajaan tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya untuk menentukan anggota-anggota Perkhidmatan Awam mendapat kenaikan yang berpatutan. Saya sendiri selaku Timbalan Menteri Dalam Negeri—saya sendiri, bukan Yang Berhormat—saya sendiri selaku Timbalan Menteri Dalam Negeri cukup berhasrat dan bermimpi supaya semua anggota polis di bawah jagaan Kementerian Dalam Negeri mendapat gaji yang lumayan. Tetapi kita juga harus melihat kepada perkhidmatan-perkhidmatan lain. Apalah gunanya saya seorang seronok di mana anggota-anggota polis bergaji tinggi sedangkan 120,000 orang guru dan 160,000 orang tentera dan juga

anggota-anggota Perkhidmatan Awam lain yang bilangannya beratus-ratus ribu tidak menikmati kemudahan-kemudahan tersebut.

Dengan sebab itu Kerajaan harus berhati-hati dalam kenaikan gaji ini kerana kita mahu semua pihak merasa lega, merasa puas hati dan tidak wujud pilih kasih dalam mana-mana bahagian sekalipun.

Tentang teguran Yang Berhormat masalah anggota polis menjalankan tugas dalam keadaan yang merbahaya

....

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Boleh.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, saya rasa jawapan Timbalan Menteri itu kurang tepat. Di samping kenaikan gaji 5% yang disebutkan tadi ini saya telah mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan untuk membuat semakan umum ataupun, dengan izin, general review kepada skim perkhidmatan polis. Selagi skim perkhidmatan polis ini tidak disemak semula secara umum, maka sebarang kenaikan gaji itu tidak akan memberi erti kepada anggota polis terutamanya mereka yang di peringkat bawah. Itu maksud saya semalam. Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, pihak Kementerian Dalam Negeri memang sentiasa boleh mengkaji. Hendak naikkan berapakah gaji anggota-anggota polis. Semakkah, buat cadangankah. Tetapi kalau cadangan itu dibawa ke atas dan orang atas tengok pula sebagai satu payung, tengok yang lain-lain pula dan tidak

berjaya, buat apa? Boleh—pegawai-pegawai boleh duduk berjam-jam, boleh cadangkan \$1,000 starting salary dan sebagainya tetapi cakap sahaja tidak boleh buat, buat apa? Jadi biarlah praktikal dari segi keseluruhannya. Kita tidak boleh, orang ini beri lebih, orang ini beri kurang. Buat apalah asal pengundi dalam kawasan Yang Berhormat itu pun bukan semua polis. Buat polis puji Yang Berhormat melambung, yang lain maki Yang Berhormat? Jadi ini semua kita kena fikirkan.

Jadi, saya memang seronok sangat Yang Berhormat cakap macam itu. Saya kalau boleh hendak tinggikan lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi. Hendak beri jalan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Boleh.

Tuan Ahmad bin Nor: Bukan kena-mengena dengan pengundi. Saya rasa ini menjadi tanggungjawab kita bersama sebagai Wakil Rakyat untuk menentukan semua mereka yang di dalam Perkhidmatan Awam mendapat pembelaan. Ini bukan satu muslihat ataupun ada kepentingan politik. Yang saya bercakap ini satu benda yang betul.

Contohnya, kalau perkhidmatan polis mahu mengambil anggota-anggota polis yang mulai dari kelulusan Tingkatan 5 maka dengan sendirinya gaji mereka akan naik. Kenapa mereka diambil dari Tingkatan 3? Pada hal kebanyakan yang menjadi anggota polis adalah mereka yang berkelulusan SPM. Inilah yang saya maksudkan itu dan kena semak semula skim perkhidmatan anggota polis. (*Tepuk*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Masalah ini memang benarlah Yang Berhormat. Pada masa ini memang

kebanyakan daripada anggota polis kelulusan akademik mereka SPM. Tetapi kita tidaklah menafikan bahawa masih ada lagi anggota-anggota polis yang hanya pass LCE—ramai. Sungguhpun hari ini memanglah kita kata minimum qualification, dengan izin, untuk masuk polis ialah kelulusan SRP. Tetapi yang memohon ramai SPM, STPM pun ada. Oleh kerana masalah pangkat itu Constable, kena sama bagi dengan orang lain. Bagaimanapun saranan Yang Berhormat itu akan diambil perhatian yang serius oleh Kementerian Dalam Negeri. Saya cukup seronok kalau anggota polis saya dinaikkan pangkat.

Tentang teguran Yang Berhormat masalah anggota polis menjalankan tugas dalam keadaannya berbahaya seperti bawa M-16 dan sebagainya perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak Polis DiRaja Malaysia.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran masing-masing mengenai pelbagai isu dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Saya telah pun memberikan penjelasan-penjelasan saya seberapa daya yang boleh ke atas beberapa pandangan dan teguran dan bagi pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang tidak sempat dijawab atau terlupa dijawab oleh saya di Dewan yang mulia ini, saya memberi jaminan bahawa ianya, insya Allah, akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$96,911,900 untuk Maksud B.35; \$1,244,731,400 untuk Maksud B.36; \$60,735,000 untuk Maksud B.37; \$3,166,500 untuk Maksud B.38; \$49,141,600 untuk Maksud B.39;

\$111,984,900 untuk Maksud B.40; \$2,838,500 untuk Maksud B.41 dan \$33,500,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$96,911,900 untuk Maksud B.35; \$1,244,731,400 untuk Maksud B.36; \$60,735,000 untuk Maksud B.37; \$3,166,500 untuk Maksud B.38; \$49,141,600 untuk Maksud B.39; \$111,984,900 untuk Maksud B.40; \$2,838,500 untuk Maksud B.41 dan \$33,500,000 untuk Maksud Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$21,996,000 untuk Maksud P.35; \$346,523,000 untuk Maksud P.36; \$6,906,000 untuk Maksud P.37; \$1,600,000 untuk Maksud P.39 dan \$17,114,800 yang disebutkan dalam Maksud P.40 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$21,996,000 untuk Maksud P.35; \$346,523,000 untuk Maksud P.36; \$6,906,000 untuk Maksud P.37; \$1,600,000 untuk Maksud P.39 dan \$17,114,800 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B.43 (Jadual)—

Maksud P.43 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Kehakiman terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Marang.

4.09 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Maksud B.43, Butiran 030000 Program Aktiviti Mahkamah, mukasurat 193 Kertas Perintah 19/1990 dan saya juga ingin menyentuh Kertas Perintah 20/1990 mukasurat 511 berhubung dengan perkara 3 Program Kehakiman, di mana berhubung dengan perkara ini saya suka menyebut pertama-tamanya berhubung dengan memelihara kebebasan kehakiman. Perkara ini mestilah diberi perhatian dan penekanan kepada tiga perkara yang penting.

Yang pertama, kedaulatan undang-undang. Perkara ini lebih berkait dengan perkara dasar.

Apa yang saya ingin jelaskan di sini ialah implikasi perkara ini dengan kebebasan kehakiman. Kelemahan yang berlaku kepada undang-undang manusia itu ialah apabila ada orang yang merasakan dirinya mengatasi undang-undang, maka ia akan mencabul undang-undang atau meminda undang-undang untuk kepentingannya. Maka tindakan ini boleh menjejaskan kebebasan kehakiman dan menjatuhkan kewibawaannya. Menurut perundangan Islam, prinsip perundangan itu ialah pengabdian kepada Allah, di samping adanya hukum-hukum yang ditetapkan oleh nas-nas seperti hukum qisas, hukum hudud. Di sana ada pula hukum yang diizinkan untuk manusia berjihad, mengkaji berdasarkan kepada realiti dan situasi semasa dengan syarat hendaklah mengikut batas-batas ijtihad yang tidak menyebabkan seseorang itu melulu sehingga mencipta undang-undang atau meminda undang-undang yang dilakukan untuk kepentingannya semata-mata.

Islam menganggap mengadakan undang-undang untuk kepentingan adalah satu perkara yang tidak diizinkan oleh Allah sebagaimana yang

dinyatakan dalam al-Quranul Karim, yang bermaksud: Adakah mereka itu mengadakan sekutu-sekutu yang boleh membuat undang-undang, yang boleh membuat hukum-hakam dalam perkara yang tidak diizinkan oleh Allah, sehingga hukum-hakam dan undang-undang itu dipinda ataupun digubal mengikut kepentingan golongan yang tertentu, bukannya berdasarkan kepada prinsip keadilan.

Perkara yang kedua, yang perlu diberi perhatian ialah kewibawaan hakim. Pemilihan hakim itu bukan sahaja dari segi pencapaian dan kejayaan dalam akademik tetapi juga mestilah dalam pencapaian akhlak dan peribadi yang mulia dan kuat, di samping dia mesti berilmu di dalam bidang undang-undang dan pentadbiran mahkamah, hendaklah juga diketahui latarbelakang akhlak dan peribadinya.

Di antara contoh yang ditunjukkan oleh Islam ialah mestilah seorang yang bersifat adil. Sifat adil yang dimaksudkan ialah tidak melakukan dosa besar, tidak mengekali di dalam melakukan dosa kecil dan tidak melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruah walaupun perkara itu tidak dikira haram.

Pemilihan hakim, bukan berdasarkan kepada kelulusannya sahaja, ijazahnya sahaja, tetapi mestilah juga dilihat dari segi akhlak dan peribadinya yang perlu diberi penekanan oleh pihak yang berkenaan. Di sana terdapat perkara yang dinyatakan oleh Islam iaitu tidak boleh memilih hakim dari orang yang terlalu mahu kepada jawatan itu. Biasanya orang yang terlalu mahu kepada jawatan itu, kelihatan menonjolkan diri terlalu mahu kepada jawatan itu adalah orang yang mengira dari segi pangkatnya bukan dari segi untuk menegakkan keadilannya semata-mata. Maka berlakulah perkara-perkara yang tidak diingini. Bagi menyatakan

batasnya, saya suka mengingatkan kepada satu hadis Rasulullah s.a.w. berhubung dengan hakim, yang bermaksud: Hakim itu ada tiga jenis, dua jenis di dalam neraka dan satu jenis di dalam syurga. Hakim yang mengetahui perkara yang benar, tiba-tiba dia menghukum dengan cara yang tidak benar. Itu adalah zalim—di dalam neraka. Yang kedua, hakim yang tidak ada ilmu, dia ada ijazah tetapi kadangkala dia tidak ada ilmu dan tidak ada pengetahuan untuk mengendalikan mahkamah, lalu dia menghukum tidak dengan ilmu dan kebijaksanaannya sebagai hakim yang layak, maka dia juga di dalam neraka. Yang ketiga ialah hakim yang mengetahui perkara yang benar dan dia menghukum dengan cara yang benar dan bijaksana dengan penuh keadilan.

Perkara yang ketiga, kebebasan mahkamah yakni jangan ada campurtangan politik atau orang-orang yang tertentu ke atas mahkamah kerana campurtangan ke atas mahkamah, bukan sahaja boleh menjejaskan prinsip keadilan tetapi memberi kesan psikologi kepada para hakim yang berjiwa kecil, bukan para hakim yang berjiwa besar. Kalau para hakim yang berjiwa besar, dia sanggup menghadapi cabaran bagi menegakkan keadilan, tetapi hakim yang berjiwa kecil, dia tidak akan sanggup untuk menegakkan keadilan apabila menghadapi tekanan, ugutan dan seumpamanya. Kita baru sahaja mengalami peristiwa kehakiman yang sangat mendukacitakan di tanahair kita ini.

Perkara yang kedua, saya ingin menyebut di dalam Butiran yang sama juga berhubung dengan kelambatan mengendalikan beberapa kes yang patut disegerakan. Pengendalian terhadap beberapa kes yang memakan masa dan menyebabkan ada orang yang ditahan beberapa lama, bukan kerana untuk meneliti tuduhan yang dikenakan kepadanya ataupun masalah-masalah

keselamatan tetapi kerana masalah kelemahan pentadbiran dan kecuaiian. Bahkan kadangkala ternyata orang-orang yang ditahan beberapa lama itu tidak bersalah.

Perkara ini boleh menjejaskan prinsip keadilan dan menzalimi orang yang tidak bersalah kerana kecuaiian pihak yang berkenaan. Kadang-kadang ada di antara mereka yang ditahan melebihi masa maksimum hukuman yang sepatutnya dijatuhkan kepadanya dan kadang-kadang didapati ianya tidak bersalah. Perkara-perkara yang seperti ini hendaklah diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berkenaan.

Saya rasa itulah sahaja beberapa perkara yang saya ingin memperingatkan ataupun sebutkan di dalam Kementerian Kehakiman. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Larut.

4.08 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang mana telah melantik Menteri Kehakiman yang ada di dalam Dewan ketika ini.

Keduanya pula, saya suka berterima kasih kepada Ketua Hakim, Hakim-hakim dan Majistret-majistret, dan kesemua kakitangan mahkamah yang telah, sedang dan akan menjalankan tugas-tugas mereka dalam menegakkan keadilan di negara yang demokratik, berdaulat, berperlembagaan dan mempunyai the rule of law, walaupun kadangkala tidak diiktiraf oleh Pembangkang-pembangkang khususnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Pengerusi, mukasurat 193, Maksud B.43, Aktiviti—Khidmat Sokongan. Dalam pentadbiran

mahkamah pada hari ini, saya juga bersyukur kepada Allah kerana hakim-hakim dan Ketua Hakim sendiri mengambil berat mengenai penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah yang mana telah diluluskan di Dewan ini pada satu ketika dahulu.

Masih lagi ada orang mengatakan bahawa Bahasa Malaysia di mahkamah perlu dikuatkuasakan dengan sekaligus. Cadangan ini amatlah baik, tetapi kita mesti faham apa yang kita kata ini kadang-kadang susah hendak dibuktikan ataupun dilaksanakan, istimewa sekali dalam masalah menghadapi undang-undang yang mana kita mengharapkan supaya keadilan tidak dijejaskan. Justeru itu, saya percaya dengan adanya sokongan dari mahkamah-mahkamah dan hakim-hakim tadi, pakar-pakar undang-undang, pensyarah undang-undang dan ahli undang-undang, saya percaya sumbangan mereka itu akan berjaya walaupun mengambil masa yang lama.

Saya juga merancang atau menasihatkan supaya ahli-ahli undang-undang yang berkelulusan di dalam bahasa Inggeris sebelum kita mengadakan kuliah-kuliah undang-undang di dalam Bahasa Malaysia—saya pun tak tahu setakat mana taraf Bahasa Malaysia di kuliah undang-undang di universiti-universiti tempatan, kerana saya tidak pergi ke kuliah-kuliah yang ada di sini. Begitu jugalah kita hendak menyarankan supaya ahli-ahli fikir undang-undang menulis di makalah-makalah, buletin-buletin ataupun article-article dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini memang kita menghadapi sedikit kesusahan, kerana sebagaimana saya katakan tadi, siapa sahaja pun yang akan menulis ataupun memberi hukuman dalam Bahasa Malaysia yang, dengan izin, of paramount importance, adalah justice.

Saya percaya, walau apa bahasa pun kita gunakan, justice adalah perkara yang penting. Jadi, saya percaya sekiranya kakitangan-kakitangan mahkamah, Hakim-hakim dan peguam-peguam memberi kerjasama, kita akan berjaya menggunakan Bahasa Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, masalah-masalah memanglah banyak yang kita hadapi dalam penggunaan Bahasa Malaysia. Rujukan-rujukan umpamanya, kita belum mempunyai susunan-susunan buku kes sepertimana kita ada di England—"All England Reports", "Queen's Bench", "King's Bench" dan bermacam-macam lagi. Tetapi kita tidak boleh mengatakan kita tidak ada, kita kena adakan. Dengan itu, saya percaya terjemahan-terjemahan, ataupun majalah-majalah sebagaimana yang dikatakan tadi perlu diperbanyakkan lagi di dalam Bahasa Malaysia kerana kedaulatan Bahasa Malaysia telah termaktub di dalam Perlembagaan di samping kita juga diberi opsyen untuk menggunakan bahasa Inggeris di mana-mana sahaja yang sekiranya keadilan itu terjejas kalau kita katakan di dalam bahasa yang membawa kejejasan keadilan.

Tuan Pengerusi, saya suka memberitahu di sini bahawa Undang-undang diadakan di Malaysia ini, ataupun di negara-negara mana pun di dunia ini bukan untuk menyusahkan rakyat, bahkan rakyat sahaja yang mengatakan Undang-undang itu menyusahkannya kerana bagi mereka yang tidak membuat salah seperti kesalahan ISA, bagi mereka yang tidak membuat kesalahan ISA, mereka tidak pergi ke Kamunting, Taiping atau mana-mana tahanan. Undang-undang yang kita adakan itu ditakuti oleh orang-orang yang telah buat salah, yang sedang buat salah dan yang akan buat salah.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya menyeru supaya diadakan susunan-

susunan sesuai dalam organisasi Kementerian Kehakiman supaya ianya lebih berkesan dari segi peraturan dan pentadbiran guna mencapai matlamat memelihara kepentingan individu yang bersangkutan-paut ataupun tertakluk di bawah the rule of law, dengan izin.

Kementerian Kehakiman pula tidak hanya dikenali sebagai Kementerian yang memberi sokongan sahaja, ataupun supplier of needs, dengan izin, kepada mahkamah-mahkamah, kita berharap sesuatu yang baik akan dapat dilakukan dari segi halacara baru Kementerian Kehakiman ini, yang mana saya percaya Menteri yang ada berkeupayaan ataupun having the full capability to perform the duties, dengan izin. Kita yakin sesuatu akan tercapai di dalam pentadbiran mahkamah, sesuai dengan perkembangan sosial, yang mana bertambah canggih ataupun sophisticated, dengan izin. Saya ingin mencadangkan supaya semua kaedah-kaedah dan apa-apa sahaja keputusan-keputusan mengenai pentadbiran, kenaikan pangkat, ataupun perlantikan-perlantikan lain dilaksanakan tanpa merujuk kepada Kabinet, tetapi hendaklah berbincang di peringkat Kementerian bersama-sama Menteri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Hendak gulung? Pada pemikiran saya, pentadbiran hendaklah bersama-sama di antara Mahkamah dan Menteri Kehakiman supaya ianya akan mencapai keadilan yang baik dan supaya dengan pentadbiran kemas itu di antara Mahkamah dan Kementerian Kehakiman, kita akan dapat merasai "the justice is seen to be done". Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Lumut.

4.26 *ptg.*

Datin Ling Chooi Sieng (Lumut):

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 193, Butiran 030000—Program Mahkamah, Kod 1000 (Emolumen), Kod 2000 dan 5000.

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa Rang Undang-undang saraan hakim akan dipinda tidak lama lagi untuk meningkatkan gaji hakim-hakim. Pada pendapat saya, peruntukan yang diberikan sebagai emolumen bagi Kementerian secara kasarnya adalah tidak mencukupi. Ia tidak mempertimbangkan aspek bebankerja para Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen, Timbalan Pendakwaraya, Penasihat Undang-undang Negeri dan juga mereka yang terlibat dalam pelaksanaan kehakiman.

Tuan Pengerusi, pemindaan pada Subordinate Courts Act, dengan izin, telah dibuat beberapa kali untuk tujuan meningkatkan bidangkuasa, iaitu jurisdiction of the Magistrates, dengan izin, dan Hakim Mahkamah Sesyen. Kini Majistret-majistret dan Hakim-hakim Mahkamah Sesyen perlu mengendalikan kes-kes yang lebih serius jika di bandingkan dengan rakan sejawat mereka di Singapura, tidak kira kes itu jenayah atau civil. Tetapi sebaliknya, mereka diberi saraan yang jauh lebih rendah, malahan hanya setengah ataupun satu per tiga daripada apa yang didapati oleh rakan sejawat mereka di Singapura.

Tuan Pengerusi, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan semalam, tambahan 5% gaji akan diberi kepada kakitangan Kerajaan, saya berpendapat gaji kepada kakitangan mahkamah, khasnya Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen masih rendah kalau dibandingkan dengan kawan-kawannya yang menjadi peguam-peguam di sektor swasta. Pada pendapat saya, kita patut memberikan gaji yang lebih lumayan kepada para Hakim dan Majistret berikutan dengan

peningkatan tugas, tanggungjawab dan beban kerja pada mereka. Kini kita sudah mempunyai Menteri Kehakiman, jadi adalah diharapkan beliau akan mempertimbangkan hal ini dengan seriusnya.

Tuan Pengerusi, sebagai langkah untuk mempertingkatkan keberkesanan dan mengurangkan penanguhan kes-kes di mahkamah, kakitangan para legal, dengan izin, patut diambil secara serentak. Semasa saya berada di Mahkamah Rendah beberapa hari yang lalu, saya dapati satu kes telah ditangguhkan selama beberapa jam dengan alasannya ketiadaan jurubahasa.

Emolumen bagi kakitangan para legal, dengan izin, patut juga dipertingkatkan dan bilangannya juga ditambah. Tuan Pengerusi, untuk setiap Pesuruhjaya Kehakiman yang dilantik, pihak Mahkamah perlulah memastikan bahawa bilangan kakitangan pembantu yang mencukupi dibekalkan. Tidak bijaksanalah dan tidak wajar kalau bilangan Majistret dan Hakim ditambah tetapi bilangan kakitangan sokongan tidak ditambah. Sekian, terima kasih.

4.31 *ptg.*

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 193, Maksud Bekalan 43, Butiran 020000 dan Butiran 030000.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan dua, tiga perkara yang penting di dalam hal ini. Pertama, apa yang saya ingin bangkitkan ialah pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah. Tuan Pengerusi, Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1990 telah diwartakan pada 25hb Mac tahun lepas dan apabila pindaan ini dibuat kepada Akta yang asal, ada satu peruntukan di Seksyen 8 sebagaimana yang dipinda berbunyi seperti berikut :

“Segala prosiding, selain daripada pemberian keterangan oleh seorang saksi dalam Mahkamah Agung,

Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan, dengan syarat”— dan yang ini penting, Tuan Pengerusi—“dengan syarat bahawa Mahkamah boleh sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding itu, selain daripada pemberian keterangan oleh seorang saksi, dijalankan sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris.”

Tuan Pengerusi, apabila Majistret-majistret atau Presiden-presiden Sesyen ada menggunakan syarat ini, syarat ini tidak diberi apa yang telah diluluskan oleh Parlimen apabila pindaan ini dimasukkan dalam Seksyen 8—ada dalam peringatan.

Tuan Pengerusi, tujuan Parlimen mengadakan syarat ini kepada Seksyen 8 ialah di mana satu peguam tidak fasih dalam Bahasa Malaysia, dia boleh membuat permohonan untuk menjalankan satu kes sebahagiannya dalam bahasa Inggeris dan sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan. Tetapi terdapat kesulitan di sini oleh kerana dalam peruntukan ini tidak ada dikatakan berapa peratus bahagiannya dalam bahasa Inggeris dan berapa peratus lagi dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, apabila pindaan ini dibuat kepada Seksyen 8, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dalam Dewan yang mulia ini ada bercakap dan memberi satu contoh mengenai syarat yang dimasukkan di dalam Seksyen 8. Beliau bercakap bahawa apabila seseorang peguam tidak fasih dalam Bahasa Malaysia, dia boleh gunakan dua, tiga perkataan dalam Bahasa Malaysia dan selepas itu boleh gunakan bahasa Inggeris dan itu adalah mencukupi. Satu contoh telah diberi

pada masa itu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu apabila Perdana Menteri Canada datang ke negara kita untuk bermesyuarat “Commonwealth Heads of Government”, beliau ada gunakan satu, dua perkataan dalam bahasa Peranchis dan yang selainnya dalam bahasa Inggeris. Tetapi apa yang saya katakan tadi, apabila Seksyen ini ataupun syarat atau proviso ini digunakan di dalam Mahkamah Rendah khasnya, Majistret-majistret tidak memberi satu discretion, dengan izin, yang baik.

Tuan Pengerusi, dalam senarai peguam yang ada sekarang terdapat banyak peguam yang praktiskan sejak tahun 1934, itu yang pertama sekali, dan selepas itu dalam tahun 1939 dan banyak lagi dalam tahun 1950an. Oleh itu terdapat banyak peguam-peguam yang tidak fasih di dalam Bahasa Malaysia dan saya merayu kepada Kementerian untuk barangkali memberi nasihat kepada Majistret-majistret dan Presiden-presiden ini untuk menggunakan discretion yang diberi di bawah proviso kepada Seksyen 8 ini dengan baik. Itu perkara yang pertama.

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan, Tuan Pengerusi, ialah kekurangan jurubahasa di seluruh negara dan juga gaji yang diberi kepada jurubahasa di dalam negara kita sekarang ini.

Tuan Pengerusi, satu contoh di dalam Mahkamah Tinggi iaitu di Criminal Division, ada 3 orang Jurubahasa Cina bagi 7 Mahkamah Tinggi. Ini adalah tidak mencukupi. Gaji yang diberi kepada jurubahasa sekarang adalah \$400 pada permulaannya dan jikalau dibandingkan dengan apa yang didapati oleh seorang jurubahasa di Singapura adalah \$800. Bukan perkara ini sahaja yang saya ingin bangkitkan, tetapi juga mengenai gaji-gaji Hakim pun, Tuan Pengerusi. Kalau dibandingkan dengan apa yang didapati oleh Hakim-hakim di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah

Agung di Singapura gaji mereka adalah dua kali ganda, kalau tidak silap saya, dan gaji Hakim kita adalah kurang.

Saya ingin membangkitkan satu lagi perkara, iaitu mengenai dengan undang-undang. Undang-undang adalah satu forensic science. Di Singapura, sampai hari ini bahasa Inggeris masih digunakan dan di India pun bahasa Inggeris digunakan. Saya setuju bahawa bagi national sentiment kita, Bahasa Malaysia tentulah digunakan dalam semua Mahkamah di negara kita tetapi dalam peringkat itu, saya ingat, apa yang perlu dibuat ialah kita tidak boleh, dengan izin, sacrifice justice at the altar of convenience. Terima kasih.

4.39 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga merujuk kepada mukasurat 193, Butiran 020000—Pentadbiran Undang-undang dan Butiran Kecil 020100 iaitu Jabatan Pemegang Amanah Raya.

Satu perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah pada 4hb Februari, 1987 UMNO asal telah diisytiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang kemudiannya keputusan Mahkamah Tinggi itu telah disahkan oleh Mahkamah Agung di dalam rayuan yang dibuat oleh Kumpulan 11.

Sehubungan dengan kematian UMNO itu, kita semua mengetahui bahawa aset UMNO, harta-harta UMNO lama berjumlah lebih daripada \$1 billion yang berhak dituntut oleh ahli yang pada masa itu kita difahamkan berjumlah 1.4 juta ahli. Persoalannya apabila UMNO diisytiharkan tidak sah, maka semua aset-aset UMNO telah diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Pemegang Amanah Raya dan mengikut pindaan kepada undang-undang yang dibuat selepas daripada itu, pindaan kepada Akta Pertubuhan, membolehkan

kan mana-mana parti politik yang ditubuh selepas daripada itu yang mempunyai ahli lebih daripada separuh boleh membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan harta tersebut. Sejak daripada tarikh harta dan aset-aset UMNO ini diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Pemegang Harta, kita tidak tahu bagaimana harta-harta ini ditadbirkan, berapakah jumlah pungutan hasilnya dan ke mana pergi harta ini. Kita pernah mendengar bahawa salah sebuah syarikat UMNO yang terbesar iaitu Fleet Group khabarnya telah dipindah kepada pihak ketiga tanpa mendapat perintah mahkamah dan kita juga ingin tahu bagaimana bangunan UMNO yang besar tersergam indah itu ditadbirkan. Bagaimanakah hasil kutipan-kutipan sewa daripada bangunan itu dibelanjakan? Kita minta penjelasan daripada pihak Kementerian berhubung dengan perkara ini.

Di bawah butiran kecil yang sama saya juga ingin membangkitkan perkara Pentadbiran Pesaka di bawah Butiran yang sama, 020100.

Salah satu masalah yang dihadapi pada masa ini ialah proses untuk mendapatkan Sijil Pengecualian Duti Harta Pesaka di dalam permohonan untuk mendapatkan surat pentadbiran pesaka. Di dalam kes permohonan kepada Mahkamah Tinggi adalah terlalu lama dan pihak Mahkamah Tinggi tidak boleh menerima permohonan untuk mengeluarkan perintah pentadbiran pesaka sekiranya Sijil Pengecualian Duti tidak diperolehi daripada Jabatan berkenaan. Masalah yang selalu dihadapi ialah kelewatan mendapatkan Sijil Pengecualian berkenaan dan kita minta pihak Kementerian mengambil perhatian di dalam perkara ini.

Saya juga ingin menyentuh butiran kecil 020200 iaitu Bantuan Guaman. Di dalam hal bantuan guaman ini, salah satu badan yang bertanggungjawab untuk mengendalikan bantuan-bantuan guaman percuma kepada orang-orang

miskin khususnya di kawasan-kawasan luar bandar telah dikendalikan oleh suatu badan yang diberi nama Biro Bantuan Guaman. Dari segi struktur pentadbirannya, Biro Bantuan Guaman ditadbirkan oleh seorang Pengarah Biro Guaman di Kuala Lumpur dan di peringkat negeri pula ada Penolong-penolong Pengarah dan dibantu oleh seorang Pembantu Undang-undang. Apa yang saya ingin cadangkan di sini ialah jika Biro ini berhasrat untuk mewujudkan suatu guaman percuma kepada golongan miskin, maka saya mencadangkan supaya bidang kuasa Biro ini mesti diperluaskan iaitu bukan sahaja meliputi kes-kes yang telah dimasukkan di dalam jadual bidang kuasa Biro tetapi mestilah meliputi kes-kes jenayah serius yang lebih berat daripada itu kerana daripada pengalaman saya, saya dapati khusus kes-kes yang melibatkan hukuman mati yang tidak termasuk dalam bidang kuasa Biro ini, terdapat di mana sidituduh tidak mampu untuk mengambil seorang peguam persendirian dan hasilnya pihak mahkamah terpaksa, dengan izin, assign a counsel ataupun menyenaraikan nama seorang peguam untuk membela. Apa salahnya kalau tugas ini diambilalih oleh Biro Bantuan Guaman?

Yang kedua, kakitangan di peringkat negeri iaitu seorang Penolong Pengarah yang mempunyai kelulusan undang-undang dibantu oleh seorang Pembantu Undang-undang yang biasanya berkelulusan Diploma in Law, dengan izin, dan beberapa orang kakitangan adalah tidak mencukupi. Sudah tiba masanya kekuatan ataupun jumlah kakitangan di peringkat negeri ini ditambah dengan lebih ramai menempatkan Pegawai-pegawai Undang-undang yang berkelayakan. Saya beri contoh misalnya di negeri Kelantan sahaja terdapat 1 juta penduduk. Bagaimana Badan ini boleh mengendalikan kes-kes yang termasuk dalam bidang kuasa Biro Bantuan Guaman sedangkan pegawainya yang berkelulusan undang-undang hanya seorang? Beliau terpaksa berkejar dari

satu mahkamah ke satu mahkamah dan ini akan melambatkan proses kes-kes yang dikendalikan oleh Biro Guaman ini.

Tuan Pengerusi, saya juga berhajat untuk menyentuh Butiran 030000 iaitu Mahkamah. Saya ingin menumpukan perhatian kepada Mahkamah Rendah khususnya Mahkamah Majistret. Sudah tiba masanya bagi pihak Kementerian Kehakiman mengadakan Resident Magistrate bagi tiap-tiap daerah yang ada di negara ini. Pada masa ini, apa yang sedang berlaku ialah di mana seorang Majistret akan ditempatkan menjadi Resident Magistrate dan akan menjadi Majistret Litar dengan mengikuti perbicaraan di mahkamah-mahkamah yang terletak di bawah bidang kuasa pentadbiran biasanya dua atau tiga mahkamah. Memandangkan jumlah kes-kes yang semakin bertambah, adalah dicadangkan supaya di seluruh negara diadakan seorang Residen Majistret bagi setiap daerah di seluruh negara. Residen Majistret ini adalah penting kerana dengan berlakunya pertambahan kes-kes yang banyak, beban kerja yang semakin bertambah dan mewujudkan Majistret Litar bagi menjaga beberapa buah Daerah adalah tidak lagi munasabah.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa sudah tiba masanya bagi kita mewujudkan sebuah mahkamah bagi tiap-tiap daerah di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak. Sepertimana yang kita sedia maklum, sekarang ini tidak semua jajahan atau daerah di dalam negara ini mempunyai bangunan mahkamah sekurang-kurangnya Mahkamah Majistret. Di Kelantan misalnya, kita tidak mempunyai mahkamah di Gua Musang yang letaknya dengan mahkamah Kuala Kerai ialah hampir 70 batu dan ini akan memberikan suatu beban yang amat nyata kepada orang ramai yang akan berurusan dengan mahkamah dan apabila kita mengadakan Resident Magistrate, mengadakan mahkamah di

tiap-tiap daerah ini adalah wajar bagi kita pula mengadakan quarters ataupun rumah kediaman rasmi bagi tiap-tiap seorang Resident Magistrate itu kerana pegawai-pegawai Kehakiman, badan Kehakiman khususnya sebagai satu badan yang dihormati di negara ini perlulah bagi majistret-majistret ini menjaga maruah dan kedudukan mereka dari segi kacamata dan pandangan orang ramai.

Satu lagi saya ingin mencadangkan supaya pertukaran pegawai-pegawai Kehakiman dan Perundangan daripada satu jabatan ke satu jabatan lain atau dari satu mahkamah ke mahkamah janganlah terlalu kerap diadakan. Pertukaran-pertukaran di atas sebab-sebab istimewa atau sebab-sebab kenaikan pangkat sahaja boleh dipertimbangkan tetapi pertukaran di atas sebab-sebab lain adalah tidak wajar dilayan. Apa yang saya bangkitkan di sini ialah kerana pertukaran seorang Majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen akan melibatkan penangguhan kes yang serius kerana ada kes-kes yang di separuh dengar oleh Hakim atau Majistret berkenaan. Saya menyeru kepada Kementerian Kehakiman berhubung dengan perkara ini supaya dapat meneliti iaitu membuat pertukaran hanya di dalam kes-kes teristimewa dan di dalam perkara-perkara perlu seperti kenaikan pangkat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Kehakiman ini secara keseluruhannya. Sebagaimana yang kita ketahui, sebagai menggulung hujah saya, Tuan Pengerusi, badan Kehakiman negara kita ini mengalami satu kejutan yang amat besar dengan peristiwa pemecatan Ketua Hakim Negara yang berlaku beberapa tahun yang lepas. Peristiwa ini bukan sahaja memberi kesan kepada sistem kehakiman negara ini tetapi telah menimbulkan rasa tidak puas hati dan kritikan-kritikan yang serius tentang kedudukan bahawa badan Kehakiman di negara ini sudah mati iaitu, dengan

izin, the independence of the Judiciary, sudah tidak ada. Perlulah ingat, Tuan Pengerusi, justice must not only be done, it must be seen to be done. Kehakiman atau keadilan bukan sahaja perlu dilakukan tetapi mestilah dilihat ianya perlu dilakukan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sudah cukup?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah cukup.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau sudah cukup, apa saya boleh buat? Bolehkah diberi saya satu minit atau dua minit sahaja untuk menggulung?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita terpaksa memberi 10 minit tiap-tiap seorang dan tidak adil kalau saya beri lebih kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Satu minit sahaja untuk gulung, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat kata tadi sudah gulung.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Silakan Yang Berhormat dari Johor Bharu.

4.52 ptg.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bharu): Tuan Pengerusi, saya juga turut ingin membahaskan Maksud Bekalan 43, Kementerian Kehakiman di bawah Butiran 010000—Khidmat Sokongan.

Pada pandangan saya, Kementerian ini memang merupakan salah satu daripada Kementerian yang penting dan boleh memainkan peranan dan tanggungjawab yang berkesan dalam membantu melicinkan proses pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang dalam negara kita. Walaupun begitu, ada banyak kekurangan yang didapati di Kementerian ini yang mana telah menyebabkan pihak umum ataupun rakyat jelata terkeliru dengan peranan dan fungsi Kementerian, dan menganggap kewujudannya lebih sebagai memenuhi kuota politik ataupun seperti yang dinyatakan oleh rakan saya daripada Larut tadi, iaitu hanya sebagai supplier of need mahkamah-mahkamah ataupun sebagai depoh bekalan mahkamah.

Saya mengalu-alukan perlantikan Yang Berhormat Menteri Kehakiman yang baru kerana sebagai seorang yang berlatarbelakangkan undang-undang beliau sudah pasti mampu mengatasi perkara-perkara ini dengan meletakkan asas-asas yang konkrit dari segi peranan dan tanggungjawab Kementerian Kehakiman, supaya Kementerian ini setaraf dengan Kementerian-kementerian yang lain yang tetap kekal dalam keadaan apa sekalipun. Dengan berlatarbelakangkan undang-undang ini sudah tentulah apapun perubahan ataupun cadangan yang diperkenalkan akan dibuat dengan berpandukan kepada prinsip Kebebasan Kehakiman dan Pemisahan Kuasa di antara Executive, Legislative dan juga Judiciary, dengan izin.

Tuan Pengerusi, bagi menentukan perkara-perkara di atas dapat dilaksanakan, saya berpendapat semua kakitangan tinggi Kementerian mestilah daripada kalangan profesion undang-undang sama ada secara kontrak ataupun daripada kalangan peguam yang sedia ada berkhidmat dengan Kerajaan.

Saya menyatakan begini kerana Kementerian ini adalah merupakan sebuah Kementerian yang banyak melibatkan technicalities undang-undang, dan memerlukan pentadbir kanan yang faham mengenainya supaya segala cadangan ataupun pendapat dapat dilaksanakan dengan licin dan teratur.

Saya tidak berhasrat merendahkan mana-mana pihak tetapi kita sedar pemegang jawatan Menteri bertukar ganti. Hari ini mungkin seorang Menteri yang berlatarbelakangkan undang-undang, besok mungkin tidak, tetapi pentadbir-pentadbir kanan tetap berada di situ sehinggalah mereka ditukarkan ataupun mereka bersara daripada jawatan mereka. Dalam keadaan biasa, kalau seseorang biasa mengetuai sebuah Jabatan yang dipenuhi dengan orang-orang profesional, ada ketikanya yang mereka tidak sehaluan ataupun memandang rendah kepada ketua mereka yang sedikit sebanyak akan menjejaskan Jabatan tersebut. Mungkin ini berlaku di Kementerian Kehakiman kerana saya lihat sebelum ini Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini kadang-kadang lebih suka tertakluk kepada pihak-pihak lain seperti Ketua Hakim Negara ataupun Peguam Negara. Jadi seharusnya Yang Berhormat Menteri mengatasi masalah communication gap ini ataupun masalah lack of confidence dalam Jabatan ataupun Kementerian yang sedia ada pada masa ini.

Tuan Pengerusi, kemudian saya ingin menyentuh mengenai masalah akauntabiliti. Kadang-kadang kasihan juga tengok Yang Berhormat Menteri Kehakiman kena menjawab mengenai perkara-perkara yang bukan di bawah tanggungjawabnya, tetapi kerana ianya berkait dengan Kehakiman, umum, khususnya Parlimen meletakkan akauntabiliti ke atasnya untuk dijawab. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Peguam Negara diletakkan di bawah Kementerian Kehakiman dan Yang Berhormat

Menteri bertanggungjawab ke atas segala tindak-tanduk Peguam Negara, ataupun oleh kerana pada ketika ini Yang Berhormat Menteri Kehakiman merupakan seorang yang berlatar-belakangkan undang-undang, beliau juga mungkin layak menjadi Peguam Negara kita supaya akauntabiliti kepada Parlimen ini adalah secara terus dan tidak boleh dielakkan lagi.

Tuan Pengerusi, yang kedua mengenai akauntabiliti ini ialah dari segi masalah-masalah, khususnya masalah pentadbiran yang dihadapi oleh mahkamah. Saya lihat kadang-kadang Kementerian bercadang ataupun bercakap mengenai satu perkara yang lain, tetapi Hakim-hakim cakap mengenai perkara yang sama tetapi caranya lain ataupun cara untuk mengatasi sesuatu masalah itu lain, tidak sama dengan nada ataupun apa yang Kementerian sendiri mencadangkan. Misalannya mengenai cara menyelesaikan backlog of cases dan usaha penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah serta juga masalah mendapatkan peruntukan untuk mahkamah-mahkamah.

Mengikut fahaman saya dengan adanya Kementerian ini ia menjadi tanggungjawab Menteri menyelesaikan dan mengemukakan cadangan-cadangan mengenai perkara-perkara ini, khususnya perkara-perkara pentadbiran dan kewangan. Dengan adanya Kementerian ini Hakim-hakim sepatutnya menumpukan sepenuhnya kepada tanggungjawab mereka membicarakan kes-kes supaya dengan tumpuan yang sepenuhnya itu diharapkan keadilan dalam tiap-tiap kes akan benar-benar tercapai dan perbicaraan-perbicaraan juga tidak perlu ditangguhkan. Sepatutnya ada penyelarasan mengenai perkara ini.

Memanglah sebelum sesuatu keputusan atau rumusan dibuat semua pihak mesti berunding dan kita tidak mengharapkan Ketua Hakim Negara

berjumpa dengan Menteri untuk menyelesaikan masalah-masalah ini, tetapi dalam Kementerian sendiri saya percaya ada Ketua Pendaftar Mahkamah yang boleh menjadi saluran ataupun "conduit pipe", dengan izin, di antara Kementerian dan Mahkamah. Mungkin inilah yang terjadi apabila pegawai kanan Kementerian bukan daripada kalangan pihak profesional sendiri. Kita juga tidak mahu Hakim selalu memberi pandangan mengenai masalah-masalah pentadbiran ataupun kewangan kerana setiap pandangan ada sahaja jawapannya dan ini akan menjejaskan imej Kehakiman. Kalau Hakim mengemukakan cadangan yang berbentuk pentadbiran ataupun kewangan, tentu ada peguam yang ingin mengemukakan cadangan balas atau pihak umum yang inginkan penjelasan. Tetapi oleh kerana Hakim tidak accountable kepada sesiapa atas konsep Kebebasan Kehakiman, maka biarlah Menteri Kehakiman itu sendiri yang memikul perkara ini, kalau tidak tiada makna kita mewujudkan Kementerian Kehakiman ini.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, bagi tujuan akauntabiliti dan menepati Konsep Kebebasan Kehakiman, saya mencadangkan tanggungjawab pentadbiran dan kewangan mahkamah dalam ertikata yang sebenarnya diletakkan ke atas Kementerian Kehakiman ini tanpa meliputi perbicaraan atau mana-mana prosiding mahkamah yang memang menjadi tanggungjawab atau bidangkuasa tunggal mahkamah sahaja. Lain-lainnya mahkamah mesti sanggup menyerahkan kepada Kementerian Kehakiman.

Secara rumusannya, Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju dengan apa yang telah dicadang dan diucapkan oleh rakan saya dari Larut tadi lebih-lebih lagi mengenai perlantikan Pesuruhjaya Sumpah. Sepatutnya Kementerian Kehakiman juga bertanggungjawab supaya penggunaan kuasa ini ada akauntabilitinya.

Dengan ucapan tersebut, saya percaya satu asas yang kukuh dapat ditanam untuk Kementerian supaya tidak ada lagi suara-suara sumbang yang akan memperkecilkan Kementerian Kehakiman ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Bharu.

4.59 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu): Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut terlibat dalam membincangkan Maksud Bekalan 43, Butiran 020000, Kod 20000 dan ingin merujuk juga kepada Kertas Perintah 20/90, mukasurat 509 khususnya tujuan Kementerian Kehakiman di mana saya ingin membaca:

“Kementerian Kehakiman ini bertujuan untuk memastikan badan Kehakiman dilengkapkan dengan segala kemudahan supaya proses pentadbiran, keadilan dapat dilaksanakan dengan sempurna, dan juga memastikan kepentingan individu di bawah undang-undang dipelihara.”

Saya ingin perkara ini, “dan juga” itu digariskan, kalau boleh diberikan perhatian khusus oleh pihak Kementerian Kehakiman, kerana saya nampak bab tugas ini tidak begitu bersungguh-sungguh pihak kehakiman, kerana kalau kita memikirkan apakah kepentingan individu di bawah undang-undang tentulah salah satu perkara yang menjadi pokok ialah, judicial review, dengan izin, di dalam beberapa undang-undang telah nampaknya begitu senang sekali dimansuhkan daripada beberapa perundangan termasuk ISA, Press Law iaitu Akta Mesin Cetak dan juga ura-ura akan dimansuhkan juga daripada Akta Pengambilan Tanah. Ini adalah satu perkembangan yang begitu tidak sihat, tidak menunjukkan bahawa Kementerian Kehakiman ini benar-benar mahu menjaga kepentingan individu di bawah

undang-undang dan nampaknya pihak Kementerian ini tidak berminat untuk berhujah menegakkan perlindungan-pelindungan itu.

Saya juga ingin menyentuh Program 020200—Bantuan Guaman di bawah Butiran 020000. Dalam hal ini ingin saya menyatakan penghargaan kepada mereka yang terlibat dalam bantuan Biro Guaman ini, tetapi saya rasa tidak begitu mencukupi dari segi perkhidmatan kepada rakyat yang sangat dahagakan kepada pertolongan khususnya dalam bidang guaman yang mereka tidak begitu mengetahui disebabkan ia terlalu teknikal. Tentulah mengharapkan 100% kepada Kerajaan tidaklah munasabah. Oleh itu saya menaruh harapan kepada Kementerian ini untuk menghulur tangan kepada semua pihak yang mahu membantu atau supplement, dengan izin, menokok tambah khidmat Bantuan Guaman ini khususnya dari pihak peguam-peguam ataupun Malaysian Bar. Mereka telah mengadakan khidmat Klinik Guaman dan saya rasa yang lebih eloknya pihak Kerajaan di bawah Kementerian Kehakiman sentiasa mengadakan perhubungan yang baik dengan pihak Malaysian Bar untuk memperluaskan lagi khidmat ini dengan cara-cara usaha bersama di tempat-tempat yang bersesuaian dan mungkin melibatkan juga fakulti undang-undang dari beberapa buah universiti dan institusi pengajian tinggi yang menawarkan jurusan undang-undang.

Sekian, terima kasih.

5.04 ptg.

Tuan Harrison Ngau Laing (Baram): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 193, Butiran 010000 dan juga 030000.

Tadi kita sudah mendengar banyak tentang Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi, Majistret dan sebagainya. Jadi saya fikir satu lagi mahkamah yang kita selalu lupakan ialah Mahkamah Native

di Sarawak. Saya rasa Mahkamah Native ini sekarang menghadapi banyak masalah di mana pihak-pihak seperti Ketua Kampung, Penghulu, Pemenca, Temenggong yang selalu preside over cases di dalam Mahkamah Native ini, saya rasa mereka tidak cukup training sebab kadang-kadang kalau satu pihak ada memfailkan kes dalam Mahkamah Native ini, selalunya ia sangat lama tidak "fixed for hearing," jadi kadang-kadang terlupa. Ini membawa masalah yang besar kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kampung-kampung.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Mahkamah Native ini di bawah Kementerian Kehakiman atau di bawah Kerajaan Negeri?

Tuan Harrison Ngau Laing: Sebab ini part of the legal system we have . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Di bawah Kerajaan Negerikah atau Kementerian Kehakiman? Kerajaan Negeri, ya?

Tuan Harrison Ngau Laing: Kementerian Kehakiman.

Tuan Syed Abdul Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, kalau ada undang-undang yang perlu dipinda, ia dibawa kepada Kementerian Kehakiman.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pentadbiran, di bawah mana?

Tuan Syed Abdul Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pentadbiran—Kerajaan Negeri.

Tuan Syed Abdul Hamid bin Syed Jaafar Albar: Pentadbiran, Kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita boleh benarkan dia?

Tuan Syed Abdul Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya boleh jawab, oleh kerana ada pindaan-pindaan tertentu yang boleh dibuat terhadap pentadbiran.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, silakan.

Tuan Harrison Ngau Laing: Terima kasih. Bukan masalah di mana kes ini hanya dilupakan sahaja. Satu masalah yang besar ialah apabila di peringkat hearing, mereka yang berkenaan tidak berapa tahu bagaimana hendak memanggil witnesses dan bagi masa kepada mereka untuk di cross examine oleh pihak-pihak yang berkenaan. Apabila mahkamah membuat keputusan, keputusan itu pun tidak berapa terang kepada pihak-pihak yang berkenaan. Selalunya tidak ada proper record yang dibuat. Apabila satu parti tidak berpuashati, mereka hendak membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi, selalunya tidak ada rekod yang dapat dirujuk kepada Mahkamah Tinggi dan ini membawa masalah yang banyak dan besar.

Selain dari itu, tentang jurisdiction Native Court. Saya fikir sekarang patut kita review sebab apa yang kita ada sekarang ialah betul-betul satu antik yang kita ambil dari masa British dahulu. Ini patut kita review sekarang. Sebagai contoh, misalnya, perkara maintenance, kadang-kadang kalau ada kes orang bercerai, tentang maintenance anak dalam kes yang berkenaan, saya dapati jurisdiction Native Court bagi memberi maintenance award adalah very limited. Ada beberapa kes yang saya tahu di mana dibuat maintenance order hanya \$2 sahaja untuk maintenance kepada seorang anak. Ini kes yang susah kalau kita bercakap tentang keadilan. Sekarang kalau kita bercakap tentang Native Court . . .

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar, ada Ahli Yang Berhormat yang bangun, hendak beri jalan?

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Bukan soal beri jalan, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan kita ini bersidang dalam Jawatankuasa dan membincangkan masalah-masalah tertentu di dalam peruntukan Belanjawan. Saya pun telah cari dalam buku ini dan tidak tahu bab mana, Belanjawan mana yang dibincangkan. Sebab itu saya hendak tahu ruling daripada Tuan Pengerusi, sama ada boleh dibincangkan masalah dasar? Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila ambil perhatian, jangan bincang masalah dasar.

Tuan Harrison Ngau Laing: Saya ingat ini pun

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mengikut Butiran-butiran yang telah ditetapkan.

Tuan Harrison Ngau Laing: Ini pun memang dalam Butiran yang telah ditetapkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila sebutkan tentang Butiran yang mana?

Tuan Harrison Ngau Laing: Misalnya, Butiran 030000—Mahkamah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mukasurat berapa itu?

Tuan Harrison Ngau Laing: Soal Native Court memang satu di antara mahkamah yang kita ada.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan mengikut butiran. Yang ada dalam Butiran ialah Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan Aset dan Perbelanjaan-perbelanjaan. Tidak ada tentang Native Court.

Tuan Harrison Ngau Laing: Perkhidmatan dan Bekalan—Kod 020000.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 020000?

Tuan Harrison Ngau Laing: Jadi, saya haraplah review ini kita dapat buat dengan segera. Sepertimana saya cakap tadi sistem yang kita ada sekarang betul antiklah.

Jadi, selain dari itu ialah tentang elaun mereka yang preside dalam Native Court. Sekarang mereka hanya diberi elaun \$15 sahaja sehari. Apabila mereka turun dari kampung dan sudah mendengar kes, membuat keputusan dan balik, elaun ini pun tidak cukup. Di Sarawak kita memang pakai perahu, jadi minyaknya banyak. Kalau enjin rosak, ini pun lebih teruk lagi. Mereka datang membuat keputusan untuk keadilan, jadi mereka datang rugi. Saya fikir ini pun patut naiklah. Saya fikir, itu sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi? Tuaran.

5.11 ptg.

Datuk Monggoh Orow (Tuaran): Tuan Pengerusi, saya hanya ingin menyentuh satu perkara Maksud Bekalan 43, mukasurat 193, Butiran 030000 Mahkamah.

Sebenarnya, perkara ini saya telah bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, khususnya mengenai kes-kes yang sudah begitu lama terdapat di mahkamah Kota Kinabalu dan ada juga kes-kes di

mahkamah lain di Sabah. Mungkin ini juga berlaku di lain-lain negeri di mana terdapat lebih kurang 12,000 kes yang sudah bertahun-tahun lama belum selesai.

Memang Kerajaan ada tujuan untuk menyelesaikan kes-kes ini. Tetapi apa yang menyedihkan kalau sekiranya banyak kes seperti ini kes-kes penjenayahan, pembunuhan, penipuan, pencurian dan sebagainya kalau tidak diselesaikan sudah bertahun-tahun mungkin banyak lagi rakyat Malaysia yang ingin membuat perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti pencurian, penipuan, merogol, pembunuhan dan sebagainya, kerana mereka tahu kes itu tidak dapat diselesaikan dalam masa 10 tahun, 15 tahun dan mereka tidak dapat didakwa atau didenda di dalam mahkamah. Kalau perkara ini berlarutan sudah tentulah ada barangkali pihak-pihak orang asing membuat tanggapan bahawa undang-undang di Malaysia ini dari segi pentadbiran dan perlaksanaannya tidak ada gigi. Maksud saya perlaksanaannya itu tidak efektif. Jadi, berlakulah satu keadaan, dengan izin, lawlessness dalam negara kita.

Ini adalah satu keadaan yang tidak baik. Jadi saya meminta di sini supaya Kerajaan mengambil tindakan dengan cara sama ada menambah kakitangan Majistret dan mereka ini diberi ganjaran yang lebih baik supaya siapa yang bertugas dalam Kerajaan tidak akan meninggalkan tugasnya dengan senang. Kerana apa yang saya tahu banyak Majistret yang bertugas dalam Kerajaan, sudah bertugas selama 6 bulan, 1 tahun mereka meninggalkan kerja itu dan kes-kes yang sudah dimulakan itu terpaksa ditangguh dan dibangkit semula. Ataupun apa yang saya tahu Kerajaan telah membuat satu dasar iaitu secara bantuan guaman di mana peguambela-peguambela diminta untuk mengambil tugas-tugas ini kalau boleh supaya kakitangan Kerajaan yang bertugas

dalam mahkamah, bebanannya itu akan berkurangan dan kes-kes yang sudah bertahun-tahun lama ini dapat diselesaikan.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, walaupun saya bercakap berjam-jam di sini kalau Kerajaan tidak ambil tindakan pun tidak juga berguna. Dengan itu, saya mintalah di sini supaya Kerajaan mengambil tindakan dengan positif supaya dalam tahun-tahun yang akan datang ini banyak lagi kes-kes yang akan dapat diselesaikan. Dan kalau kita sudah menunjukkan bahawa tindakan positif diambil maka mungkin orang-orang yang ada niat untuk membuat penipuan, pencurian dan sebagainya itu tidak akan melakukan rancangan mereka itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Alor Gajah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Batang Lupar.

Tuan Pengerusi: Batang Lupar.

5.16 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit sahaja dan terima kasihlah nama saya tadi, saya sebut Batang Lupar; kadang-kadang salah sebut Batang Lupar, Bujang Lapar pun ada.

Jadi saya ingin merujuk Maksud Bekalan 43, Kementerian Kehakiman, Pentadbiran Undang-undang 020000, mukasurat 193.

Tuan Pengerusi, adalah tidak dapat dinafikan kemudahan undang-undang ataupun justice dengan izin, adalah kemudahan untuk orang yang ada wang untuk orang kaya, orang miskin kemudahan berkurangan. Jadi justice itu makna dia untuk orang kaya sahaja,

orang miskin kurang sedikit, kerana kalau tidak dapat ambil lawyer, tidak dapat ambil peguam, tidak dapat duit, peguam tidak dapat. Jadi, the justice would not be done, dengan izin.

Di sini ingin saya membawa Program 020200 Bantuan Guaman. Sebagaimana kita telah tahu di tiap-tiap negeri diadakan Pejabat Bantuan Guaman untuk kemudahan orang awam yang mungkin tidak berpeluang atau berkemudahan untuk mengambil peguam mereka sendiri untuk tujuan tertentu. Tetapi kadangkala pejabat-pejabat Bantuan Guaman di tiap-tiap negeri itu tidak mencukupi anggota. Jadi pejabat ini menyalurkan kerja-kerja perbicaraan satu-satu kes itu kepada pihak peguam-peguam tertentu. Tetapi bantuan atau pemberian yang diterima daripada pihak Kerajaan untuk mengendalikan kes-kes tertentu adalah tersangat kecil sekali. Jadi tidak mencukupi. Jadi ini telah mendatangkan keraguan ataupun perasaan tidak puas hati antara peguam-peguam tertentu. Jadi, banyaklah syarikat-syarikat peguam tidak ingin menerima kes-kes yang disalur daripada pihak Pejabat Bantuan Guaman yang tertentu.

Dari itu saya menyeru pihak Kerajaan untuk mengkaji semula pembayaran yang diberi kepada peguam-peguam yang mengendalikan kes-kes yang disalur daripada pihak Pejabat Bantuan Guaman ini supaya menggambarkan satu peruntukan ataupun bayaran yang seimbang dengan keadaan yang ada pada sekarang ini.

Di sini saya merujuk juga kepada Butiran 030000, Mahkamah. Di bawah ini saya bincang mengenai keadaan mahkamah dan kekurangan kakitangan mahkamah.

Saya memang setuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tuaran tadi bahawa banyak berlaku backlog, dengan izin, di negara kita ini. Mungkin ini adalah incidental, dengan

izin, kepada sistem pembicaraan di negara ini yang diwarisi daripada pihak British, sebagaimana yang berlaku di negeri asalnya juga, banyak perkara-perkara backlog ini berlaku. Apa yang telah berlaku pada satu-satu ketika umpamanya pada tahun 1981 pihak Kerajaan Inggeris telah melantik seorang hakim untuk mengendalikan kes-kes yang telah lama tidak dibicarakan dengan tujuan hakim ini tidak dibebankan dengan kes-kes atau perbicaraan-perbicaraan yang lain, melainkan untuk mengendalikan kes-kes yang telah lama. Dengan itu, alhamdulillah, mengikut laporan empat tahun selepas itu, semua kes yang telah terbiar selama 5-6 tahun dapat diselesaikan.

Jadi, pertanyaan saya ialah adakah Kerajaan kita mempunyai satu rancangan yang khas untuk mengendali dan menghabiskan perbicaraan kes-kes yang terbengkalai ataupun yang menjadi backlog selama ini. Ini memang tidak dapat dinafikan, kalau di pejabat saya boleh terdapat, tidak banyak kes, barangkali 10 atau 20 kes yang sudah menjangkau umurnya 5-6 tahun. Jadi, 5-6 tahun masih muda dalam segi litigation kalau sekiranya kes itu di Mahkamah Tinggi, bahkan banyak lagi kes yang sudah menjangkau umurnya 12-13 tahun. Kalau saksi itu sudah mati, kes itu akan habis begitu sahaja "the justice delayed is justice undone", dengan izin, dan mohon maaf saya gunakan perkataan itu.

Tuan Pengerusi, perkara ini dengan mengadakan hakim-hakim dan majistret-majistret dan presiden-presiden Sessions Court itu belum lagi mencukupi. Kita mesti melangkah setapak ke hadapan lagi untuk menyediakan satu peruntukan tertentu untuk mengendalikan kes-kes seperti ini. Saya mengesalah pihak Kerajaan supaya jangan menunggu saksi-saksi ini mati, janganlah menunggu orang-orang

yang terlibat itu mati kerana kalau saksi sudah mati kes itu habis begitu sahaja nanti.

Jadi, perkara itu terdapat di Sarawak—saya ingat perkara yang sama pun mungkin berlaku di Semenanjung ini juga, yang mana kalau kita ada 5 mahkamah di suatu daerah, umpamanya mahkamah A, B, C, D dan E dan diadakan majistret 5 orang, tetapi kalau majistret itu pergi bercuti atau on maternity leave, dengan izin, hendak kahwin, atau hendak apa-apa urusan, pening kepala, jadi mahkamah terpaksa ditutup. Perbicaraan kes yang tertentu pada hari itu akan diubah hari pembicaraannya dan perubahan ini bukan ditangguh seminggu-dua minggu, sebulan tetapi kadang-kadang hingga tiga-empat bulan. Itu bermakna kes-kes pada hari mana hari perubahan itu dibuat, akan diubah pula pada hari yang tertentu.

Jadi, saya mencadangkan kalau kita ada lima premis mahkamah, kita mesti mengadakan sekurang-kurangnya enam majistret yang tertentu, dua orang sebagai floating magistrates, dengan izin, supaya dapat menggantikan orang yang bercuti, menggantikan orang sakit, menggantikan orang yang travelling on purpose. Jadi, kalau dibuat, dapatlah meredakan sedikit masalah backlog ini.

Begitu juga, pihak Kementerian bolehlah meminta pihak Polis. Perkara ini pun berlaku pada Polis, kadang-kadang majistret ada, prosecutor tidak ada, Pegawai Pendakwa itu tidak ada. Jadi, saya ingin meminta kalau pegawai mahkamah majistret itu ada, pegawai Polis pun mestilah diadakan juga, pegawai yang ada stand-by tiap-tiap masa menggantikan pegawai yang sakit, pegawai yang demam, pegawai yang bercuti, pegawai yang hendak kahwin, pegawai cuti beranak dan sebagainya supaya janganlah mendatangkan penangguhan perbicaraan oleh kerana perkara-perkara yang dapat dielakkan sebegini.

Tetapi saya memang faham, perbicaraan di mahkamah sebagaimana sistem yang kita adakan sekarang memang membabitkan berbagai perkara yang sering berlaku macam penangguhan perbicaraan, ketidakhadiran saksi-saksi, ketidakhadiran orang-orang yang tertentu. Perkara ini mungkin berlaku tetapi bolehlah diminimise, dengan izin, dengan mengadakan peruntukan-peruntukan yang cukup.

Satu perkara lagi, Mahkamah Tinggi umpamanya di Sarawak. Sarawak itu kawasannya besar, minta maaf saya hendak sebutkan sekali lagi, Tuan Pengerusi, Semenanjung itu sedikit sahaja, lebih kecil daripada keluasan Sarawak keseluruhannya. Tetapi di Sarawak kita hanya mengadakan empat Mahkamah Tinggi iaitu di Kuching, di Sri Aman, di Sibul dan di Miri. Itupun ada mahkamah sahaja, hakim tak ada. Hakim dari Kuching, dari Sibul, travelling pergi ke tempat itu. Jadi, saya menggesa agar Kerajaan melantik hakim untuk tiap-tiap daerah yang besar untuk mengendali atau mendengar kes-kes di tempat-tempat tertentu. Janganlah kes Mahkamah Tinggi ini boleh ditangguhkan perbicaraan sampai 5-6 tahun belum didengar ceritanya. Sampai orang bertanya: "Apa hal ini, peguam tak buat kerjakah?" Kita tak bolehlah mengatakan Kementerian yang salah ataupun Jabatan Kehakiman yang salah, tetapi keadaan menjejaskan, anggota tak cukup, hakim tak cukup, mahkamah tak cukup, jadi semua perkara ini mendatangkan kelambatan dan backlog cases.

Tuan Pengerusi: Minta gulungan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dengan itu, saya menggesalah pihak Kerajaan dan Kementerian khususnya mengadakan tempat yang cukup, hakim-hakim yang cukup, pegawai pendakwa yang cukup, kakitangan yang cukup, pendaftar yang cukup, semua cukup. Kalau tak cukup lagi, masih tidak dapat

mengendalikan backlog cases kita, ibarat sudah ikatkan "camel" itu, baru-lah kita berserah kepada Tuhan. Tak dapatlah dibuat apa, tetapi kita kena berusaha.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau sudah cukup, cukuplah. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tumpat.

5.27 ptg.

Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya mahu bercakap ringkas sahaja supaya tidak tersasul iaitu dua points sahaja mengenai Maksud Bekalan B.43, Program 010200—Perancangan dan Pembangunan, dan yang kedua Butiran 030000 Mahkamah, iaitu dua perkara sahaja ke arah kesedaran undang-undang.

Sebagaimana yang telah disungutkan oleh kebanyakan daripada Ahli Yang Berhormat tadi dan juga saya merasakan bahawa negara kita adalah kekurangan hakim, kekurangan pakar undang-undang dan sebagainya dan saya rasa perlulah pihak Kementerian Kehakiman memikirkan bagaimanakah yang seharusnya dilakukan oleh kita supaya persoalan-persoalan kekurangan itu tidak akan berlanjutan. Saya merasakan bahawa ini adalah merupakan punca dari segala-galanya. Akibat daripada kita kekurangan hakim, kekurangan pakar undang-undang, maka akan ter-bengkalailah segala-galanya.

Maka saya inginlah mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya, kalaulah subjek Sejarah atau subjek Ekonomi kita dapat adakan di peringkat STPM apakah tidak boleh subjek yang sama kita adakan satu matapelajaran untuk peperiksaan STPM itu kita adakan matapelajaran Undang-undang sebagai-

mana yang diadakan di luar negeri seperti di Jerman, di Jepun, di Indonesia dan sebagainya. Malahan bukan sahaja di peringkat STPM, boleh dibawa ke "A Level", saya rasa perlu juga di peringkat SPM di negara kita perlu kita wujudkan subjek Undang-undang ini. Saya kira dengan cara ini, maka apa yang dirasakan kekurangan ini, lambat-laun hal seperti itu akan dapat kita atasi.

Point yang kedua yang saya ingin bicarakan, Tuan Pengerusi, ialah masalah bidangkuasa Mahkamah Syarak. Apakah tidak boleh pihak Kementerian Kehakiman ini memberikan kuasa yang lebih kepada Mahkamah Syarak. Sebab sebagaimana kita tahu tujuan daripada perundangan atau tujuan daripada kehakiman ini adalah semata-mata untuk kita tegakkan keadilan atau dengan bahasa yang lebih tepat saya rasa, untuk kita tegakkan kebenaran. Kebenaran dan keadilan ini adalah merupakan ayah dan anak. Di samping kita memikirkan bagaimana untuk kita tegakkan keadilan, cuba kita koreksi sekarang ini sejauh manakah ke arah pendekatan keadilan itu telah kita laksanakan. Lantaran itu, saya mohon kepada Kementerian Kehakiman, apakah tidak boleh kita memberi kuasa yang lebih kepada Mahkamah Syarak.

Apa yang kita dapati sekarang dalam Mahkamah Syarak hanyalah tidak lebih daripada soal hukum cerai, talak dan sebagainya. Kalau kita mencuri lembu misalan, soal kes pencurian, kes jenayah, pemukulan dan sebagainya, kita tidak bawa kepada Mahkamah Syarak, kita bawa kepada Mahkamah Majistret, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung dan sebagainya. Saya rasa kerana kita sebagai sebuah negara yang kita agungkan dan kita laungkan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dan kita akui agama Islam adalah merupakan agama negara, sudah sampai masanya sekarang ini untuk kita memberi kuasa yang lebih kepada Mahkamah Syarak.

Saya bimbang Tuan Pengerusi, takut kita ini termasuk apa yang ditegaskan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam ayat al-Quran yang bermaksud:

“Barang siapa tidak melaksanakan hukum Allah, sesungguhnya dia kafir, barang siapa yang tidak melaksanakan hukum Allah, sesungguhnya dia fasik, barang siapa yang tidak melaksanakan hukum Allah, sesungguhnya dia zalim”. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.33 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Butiran 010000—Program Aktiviti 010200—Perancangan dan Pembangunan, Maksud Bekalan B.43, mukasurat 193.

Tuan Pengerusi, mengikut strategi Belanjawan pihak Kementerian, di antara objektifnya adalah terdiri daripada:

- (i) mempergiatkan lagi kes-kes pendakwaan ke atas sibankrap dan si berhutang dan peng-awalan; dan
- (ii) memberi bantuan guaman dengan bayaran nominal kepada rakyat yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan pengadilan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru pihak Kerajaan menubuhkan satu mahkamah khas, iaitu Mahkamah Bankrapsi untuk menjelas dan membereskan lebih banyak kes-kes bankrap yang timbul. Memandangkan bahawa bilangan orang yang dihukum bankrap telah meningkat ke 4,200 orang pada tahun 1989 dan dianggarkan bertambah lagi ke 4,500 orang dalam tahun 1990 dan 5,000 orang pada tahun

1991, adalah wajar, perlu dan tiba pada masanya satu mahkamah khas didirikan untuk membereskan dan mengurangkan backlog, atau tunggakan kes yang kini wujud di Mahkamah Tinggi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 020000, Program 020100—Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh.

Saya tertarik dengan Penyimpan Harta Musuh dan saya ingin menanya jumlah wang terkumpul dalam Penyimpan Harta Musuh ini dan apakah yang terkandung di dalamnya, terutamanya butir-butir lanjut mengenainya.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya hendak merujuk kepada Program 020200—Bantuan Guaman.

Tuan Pengerusi, saya ingin meminta bukan sahaja peruntukan untuk Biro Bantuan Guaman ditambah, malah bilangan kakitangan dan peguam harus juga ditambah. Peranan Biro Bantuan Guaman harus diperbesarkan dan diperluaskan agar rakyat miskin berpeluang untuk mendapatkan keadilan. Tidak boleh dinafikan bahawa proses bicara dan pengadilan adalah sangat mahal. Bagi orang miskin, adalah sangat sukar untuk menerima pembelaan yang sewajarnya dari mahkamah memandangkan kos yang sangat tinggi ini yang mereka tidak berkemampuan langsung untuk menanggungnya. Justeru itu, saya ingin meminta bahawa peruntukan Bantuan Guaman dinaikkan lima kali ganda kepada \$10 juta dan bukan \$2.516 juta yang kini dicadangkan.

Tuan Pengerusi, saya rasa bantuan guaman ini adalah sangat perlu untuk menjamin bahawa keadilan boleh diperolehi kepada semua lapisan masyarakat dan bukan hanya kepada golongan yang berada sahaja. Saya telah menerima banyak aduan dan banyak kes di mana keadilan tidak dapat diberikan

kepada mereka kerana mereka tidak berupaya. Oleh itu saya harap bahawa pihak Kerajaan boleh meningkatkan status Biro Bantuan Guaman ini agar lebih banyak rakyat Malaysia boleh menikmati keadilan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya juga meminta bahawa pihak Kerajaan menaikkan gaji dan elaun Hakim-hakim dan Majistret supaya kita dapat menjamin kualiti dan prestasi Hakim-hakim kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.41 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa perkara dan permasalahan berkenaan Kementerian Kehakiman dan sekarang saya suka menjawab perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, Yang Berhormat dari Marang menyebut berkenaan sistem keadilan dan kebebasan Kehakiman. Memanglah menjadi landasan dan asas kepada Kerajaan untuk menentukan yang badan Kehakiman itu bebas untuk membuat keputusan yang membangkitkan pertelingkahan di antara rakyat dengan Kerajaan, ataupun rakyat bersama rakyat. Oleh sebab itulah sistem pemisahan kuasa ataupun, dengan izin, Separation of Powers, dilaksanakan dengan berkesan, walaupun di dalam mana Undang-undang manusia yang direka oleh manusia, mestilah ada golongan yang tidak berpuashati mengikut tanggapan dan persepsi masing-masing terhadap keadilan itu sendiri.

Keduanya, berkenaan dengan perlantikan Hakim-hakim, saya tidak boleh menafikan perlunya, sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Marang, iaitu seseorang Hakim mestilah mempunyai akhlak yang mulia, budi pekerti, peribadi yang baik dan itulah menjadi asas di dalam perlantikan Hakim-hakim supaya mereka dapat menjalankan tugas mengikut yang dikehendaki dan memberikan keadilan kepada semua rakyat.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Keadaan kini, Tuan Pengerusi, adalah bukan perlantikan Hakim-hakim, tetapi Pesuruhjaya Kehakiman. Ini ada perbezaan oleh kerana apabila seorang dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman, beliau adalah dilantik untuk tempoh dua tahun. Jikalau keadaan seperti itu, bolehkah dia jadi bebas apabila menimbang satu kes terhadap seseorang dan Kerajaan? Itu melanggar dengan apa yang telah dikatakan "independence of the Judiciary" dan "security of tenure", dengan izin. Tidak ada security of tenure, oleh kerana bila tempoh dua tahun habis, barangkali tidak dapat dilanjutkan tempoh itu. Itu bermakna ini bukan lantikan Hakim; lantikan Pesuruhjaya Kehakiman bukan perlantikan Hakim. Hakim ada apa yang dikatakan "security of tenure". Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dan mengaku apa yang saya cakap adalah benar?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, tadi saya bercakap berkenaan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Marang di dalam perlantikan Hakim-hakim, dia mestilah mempunyai kriteria-kriteria tertentu dan saya mengatakan saya bersetuju dengan kriteria perlantikan

mestilah terdiri daripada mereka yang mempunyai akhlak yang tinggi dan berperibadi baik, itu adalah asas berkenaan perlantikan Hakim.

Berkenaan dengan soal yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Jelutong iaitu Judicial Commisioner ataupun Pesuruhjaya Kehakiman, Pesuruhjaya Kehakiman ini bukanlah satu perlantikan yang dibuat hanya di Malaysia, banyak lagi negara-negara sepertimana Singapura, yang melihat ada masalah berkenaan kes-kes tertangguh, maka sebagai satu peruntukan sementara untuk mengatasi kes-kes tertangguh, dilantik dengan secara cepat Pesuruhjaya Kehakiman untuk membantu menyelesaikan kes-kes ini dan mereka juga tertakluk di dalam membuat keputusan dengan cara bebas dan adil. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa oleh kerana tidak ada security of tenure, dengan izin, maka mereka tidak dapat bertindak dengan bebas. Saya fikir bertindak dengan bebas atau tidak bergantung kepada tiap-tiap individu itu sendiri di dalam menjalankan tugas yang diberikan kepadanya.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga tadi ada menyebut berkenaan dengan Undang-undang Islam, berkenaan dengan Undang-undang Allah. Di sini saya tidak suka hendak mengatakan yang undang-undang manusia itu sempurna. Mana kita boleh lawan dengan undang-undang yang diturunkan oleh Allah adalah satu undang-undang yang paling sempurna sekali. Tetapi apa jua yang hendak kita laksanakan di dalam apa bidang undang-undang sekali pun, kita perlu mempunyai muslihat, kita perlu membuat persediaan yang cukup tanpa kita melaksanakan apa-apa yang hendak kita laksanakan supaya ianya mendapat penerimaan oleh sekalian masyarakat di dalam negara kita.

Yang Berhormat dari Lumut membawa berkenaan dengan gaji Hakim dan juga pertambahan bilangan staff sokongan seperti jurubahasa dan lain-lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gaji dan saraan Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret ditetapkan mengikut sistem gaji Jawatankuasa Kabinet yang merangkumi juga Pegawai-pegawai dalam Kumpulan "A" dari sektor Perkhidmatan Awam yang lain seperti Pegawai Tadbir, Arkitek dan lain-lainnya. Sebarang perubahan tanggagaji bagi Hakim Mahkamah Sesyen ataupun Majistret akan mengambil kira tanggagaji golongan sektor-sektor lain dan perlu dibuat dengan teliti. Walau bagaimanapun, Kerajaan memang sedar bahawa tanggagaji Pegawai-pegawai Kehakiman di Singapura memanglah lebih tinggi daripada kita dan ini bukanlah khusus kepada Perkhidmatan Kehakiman sahaja, tetapi secara keseluruhannya Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam di Singapura dibayar gaji lebih tinggi daripada Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam di negara kita. Walau macam manapun, cadangan-cadangan ini adalah akan diambil perhatian dan di dalam masa dan keadaan yang sesuai . . .

Datin Ling Chooi Sieng: Saya minta penjelasan. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa dengan tambahan gaji, ia akan memberi galakan kepada Majistret-majistret dan Hakim-hakim supaya mereka digalakkan untuk meneruskan perkhidmatan di Mahkamah dan ia akan menghalang kegiatan rasuah oleh kerana gaji Majistret yang tidak mencukupi.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, dua perkara yang telah ditimbulkan; pertama, adakah gaji kalau dinaikkan, maka dengan gaji yang lumayan, kita akan dapat

mempertahankan kedudukan Magistret supaya tidak berhenti. Kedua, berkenaan dengan rasuah, itu adalah persoalan yang berlainan.

Saya suka menjawab bahawa saya bersetuju kalau dapat dinaikkan gaji Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen, ia mungkin akan menjadi satu insentif ataupun galakan untuk mereka tidak meninggalkan Judicial and Legal Service (Kehakiman dan Undang-undang), tetapi oleh kerana mereka termasuk dan dirangkumi di dalam sistem gaji yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, seperti mana yang saya katakan, perkara ini akan diambil perhatian dan di masa-masa yang perlu kita akan lihat bagaimana ianya boleh dilakukan untuk tujuan yang disebutkan tadi.

Berkenaan dengan jurubahasa ini, saya juga mengambil perhatian dan saya memahami masalah yang dihadapi dari segi kekurangannya dan tanggungajinya dan kita akan melihatnya dan akan mengambil perhatian di atas cadangan-cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut juga membawa berkenaan dengan saraan Hakim dan juga menyebutkan berkenaan dengan Pendakwa Raya. Emolumen yang ada di dalam peruntukan tadi tidak termasuk Pendakwa Raya oleh kerana Pendakwa Raya dimasukkan di dalam bidang Peguam Negara dan di sini emolumen hanya merangkumi badan-badan di bawah Kementerian Kehakiman sahaja. Saraan Hakim adalah dibayar mengikut sistem tanggagaji yang berlainan tetapi dibandingkan dengan kedudukan tanggagaji daripada jawatan yang tertinggi di dalam Kerajaan. Jadi, apa-apa pun pindaan yang hendak dibuat terhadap gaji ini akan dibuat mengikut apa yang dilakukan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan yang tertinggi dan jika didapati perlu, perubahan akan dibuat

tetapi ianya mestilah melihat kedudukan Pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli-ahli di dalam Perkhidmatan Kerajaan secara keseluruhannya.

Yang Berhormat dari Jelutong ada membawa berkenaan dengan pelaksanaan Bahasa Malaysia. Saya fikir dalam soal Bahasa Malaysia, Akta itu ada memberikan budibicara ataupun, dengan izin, discretion untuk para Majistret atau para Hakim menjalankan sesuatu kes menggunakan Bahasa Malaysia dengan keseluruhannya ataupun dengan sebahagian-sebahagian, sebagaimana perkataan yang digunakan di dalam Akta itu. Selalunya di dalam menjalankan budibicara ini, as a discretion, kita pulangkan kepada kebijaksanaan Majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen untuk menentukan demi keadilan supaya mereka dapat menjalankan satu perbicaraan itu tanpa menjejaskan keadilan. Jadi, dalam perkara ini jika sesuatu kes ditunjukkan ada peguam-peguam oleh kerana tidak dapat berhujah atau membawa kesnya di dalam Bahasa Malaysia telah menafikan keadilan, bolehlah ia diutarakan dan kita akan berbincang untuk diambil perhatian oleh Majistret ataupun Hakim Mahkamah Sesyen yang tertentu.

Berkenaan dengan satu lagi perkara yang disebutkan iaitu di dalam kita hendak melaksanakan Bahasa Malaysia kita tidak pernah mengatakan buku-buku atau perkara-perkara teknikal perlu dihapuskan sekali di dalam penggunaan di Mahkamah, tetapi di mana yang boleh dan di mana ianya perlu kita mestilah menggunakan kedua-duanya sekali supaya kita dapat meningkatkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia dan meninggikan lagi Perbendaharaan kata di dalam Bahasa Malaysia sehingga tiba kepada satu tahap di mana kita tidak perlu lagi meminjam, walaupun ianya boleh menjadi bahan rujukan di dalam penghujahan di dalam sesuatu kes.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas mencadangkan dibina sebuah Mahkamah Majistret di Gua Musang kerana jaraknya 70 kilometer daripada Kuala Kerai. Untuk makluman Yang Berhormat dari Kok Lanas, Kementerian ini sememangnya telah merancang untuk membina sebuah Mahkamah Majistret dua bilik bicara di Jajahan Gua Musang di Kelantan. Mungkin ia akan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Berkenaan dengan harta-harta UMNO, Yang Berhormat mengatakan setelah UMNO diisytiharkan tidak sah, semua aset berjumlah \$1 billion terletak kepada Pemegang Amanah Raya dan ditadbirkan, berapa jumlah hutangnya, bagaimana hasil kutipan dan dibelanjakan termasuk bangunan PWTC.

Yang Berhormat dari Kok Lanas, saya percaya adalah seorang peguam, dan sebagai seorang peguam biar saya betulkan sedikit iaitu Pemegang Amanah Raya tidak terlibat di dalam pentadbiran harta-harta UMNO. Yang sebenarnya yang terlibat ialah Pemegang Harta, ini fasal kita kadang kala keliru berkenaan perkataan Inggeris, Public Trustee iaitu Pemegang Amanah Raya dengan Official Assignee iaitu Pemegang Harta. Harta ini ditadbirkan oleh Official Assignee.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pegawai-pegawai Pemegang Harta telah menghantar borang-borang pengisytiharan aset dan liabiliti kepada semua peringkat Perhubungan Negeri, Bahagian dan Cawangan UMNO yang telah diisytiharkan tidak sah termasuk Bahagian Yang Berhormat dari Kok Lanas itu—pernah menjadi ahli. Jadi, untuk pengumpulan ini kita memerlukan data yang lengkap dan data ini akan dikumpul dan setakat ini kita hanya mendapat data dalam 38% daripada jumlah data-data aset untuk dikumpulkan supaya keputusan dapat dibuat.

Berkenaan dengan jumlah di peringkat-peringkat Pertubuhan, kita ada 8,900 Cawangan-cawangan di dalam UMNO dan tiap-tiap Jawatankuasa UMNO diperlukan untuk memberikan maklumat-maklumat kepada Jabatan Pemegang Harta bagi menyenaraikan segala harta benda Pertubuhan UMNO. Jadi, saya hairan bagaimana Yang Berhormat tadi boleh mendapatkan jumlah \$1 billion itu. Saya tidak tahu, fasal saya fikir, dengan izin, the final figure of \$1 billion itu kita pun kurang pasti ada \$1 billion, tetapi apa yang saya boleh berikan ialah yang ada maklumat pada saya, ialah untuk pengetahuan, Pemegang Harta menerima dan menguruskan aset-aset yang telah diisytiharkan oleh Pertubuhan itu seperti berikut: Anggaran nilai aset ini ialah sebanyak \$310,477,000 dan liabilitinya pula ialah \$318,426,000. Terdapat 146 bangunan yang sedang diuruskan oleh pegawai Pemegang Harta, sememangnya ada disewakan atau ditawarkan untuk disewa kepada pihak Jabatan Kerajaan, swasta tertentu atau termasuk UMNO Baru sendiri. Jumlah sewa yang dikutip setakat ini ialah sebanyak \$9.3 juta.

Tuan Pengerusi, mengenai bangunan PWTC, ia diuruskan oleh sebuah syarikat pengurusan yang bernama T.C. Convention. Harta PWTC adalah dibebankan dengan liability seperti berikut: Hutang piutang kepada bank, institusi kewangan, ialah sebanyak \$445,173,368.26. Hutang tak bercagar jumlahnya ialah \$24,990,352.44. Jadi, jumlah besar ialah \$470,163,720.70. Aset bergerak yang terdapat di PWTC dianggarkan sebanyak \$72.8 juta. Hasil kutipan sewa digunakan untuk penyelenggaraan bangunan termasuk cukai pintu, cukai tanah, bil elektrik, air dan lain-lain lagi—aset yang bergerak itu telah digunakan.

Yang Berhormat dari Kok Lanas juga ada membawa berkenaan dengan kelewatan mengeluarkan Sijil Pengecualian Duti Pesaka bagi maksud

memperolehi surat kuasa mentadbirkan harta pesaka. Tuan Pengerusi, perkara ini diuruskan oleh Pemungut Duti Pesaka, dengan izin, Collector of Estate Duty yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Teguran yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Johor Bahru dan juga Yang Berhormat dari Larut tadi mengenai kekeliruan berkenaan dengan fungsi ataupun tugas dan tanggungjawab Kementerian Kehakiman—namanya memang besar dan indah—Kementerian Kehakiman yang sebenarnya pada masa ini adalah sebagai pentadbir Kehakiman. Sebagai pentadbir Kehakiman, ia bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan pembekalan—sebagaimana disebutkan tadi sebagai depoh bekalan—bagi mahkamah dan oleh kerana itu dia tidak seperti di negara-negara lain di mana kalau kita lihat ada Kementerian Kehakiman ia bertanggungjawab sebagai penasihat undang-undang kepada Kerajaan. Di dalam bidang tugas Kementerian Kehakiman di negara kita ia hanya bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan perancangan pembangunan mahkamah-mahkamah dan bekalan mahkamah dan berkenaan dengan perjawatan yang diperlukan oleh mahkamah.

Jadi, sebenarnya ia adalah pembekal utama untuk menentukan yang pengurusan mahkamah itu akan dapat dijalankan dengan efisien dan berkesan. Kita tidak terlibat langsung di dalam penggubalan undang-undang. Kita tidak terlibat langsung di dalam hal untuk memberi nasihat berkenaan perkara-perkara undang-undang melainkan undang-undang khusus di mana Kementerian Kehakiman diminta untuk menyediakan draf undang-undang tersebut. Memanglah kalau saya mengambil perhatian apa yang disebutkan, oleh kerana yang disebutkan melibatkan diri saya, jadi perkara ini akan diambil perhatian dan akan dibawa kepada pihak yang boleh menentukan.

Berkenaan bidang-bidang kuasa yang perlu diperuntukkan kepada Kementerian Kehakiman atau lain-lain jabatan, memanglah pada saya untuk menentukan imej dan prestasi badan Kehakiman berbeza dengan pentadbiran Kehakiman yang menentukan dasar, yang menentukan kepentingan rakyat tidak terjejas. Memanglah pihak Hakim, oleh kerana mereka adalah sensitif di atas perkara Kebebasan Kehakiman, tidak perlu terlibat di dalam apa-apa perbincangan di dalam akhbar yang mungkin menjejaskan ataupun memberikan gambaran yang badan Kehakiman itu tidak bebas. Sebab itulah Kementerian sendiri dalam soal-soal, pelaksanaan dasar, membuat statements atau pernyataan-pernyataan akhbar untuk mengelak Hakim-hakim kita daripada dikritik atau dibawa tohmahan oleh pihak-pihak tertentu ke atas penglibatan mereka di dalam bidang atau tajuk-tajuk tertentu.

Jadi, dalam soal accountability di atas dasar dan pentadbiran Kehakiman itu sendiri, ia memanglah menjadi tanggungjawab Kementerian Kehakiman dan pihak badan Kehakiman sendiri terlindung daripada terjebak dalam controversy atau perbincangan-perbincangan yang boleh membangkitkan controversy.

Berkenaan cadangan Pesuruhjaya Sumpah, Tuan Pengerusi, patut diberikan kepada Kementerian Kehakiman, kita akan mengambil perhatian di atas cadangan tersebut.

Yang Berhormat dari Kota Bharu tadi minta saya menggariskan—tetapi Yang Berhormat dari Kota Bharu sudah tidak ada—dia suruh menggariskan **kepentingan individu**. **Kepentingan individu** ini, oleh kerana **kepentingan individu** itulah maka kita menentukan yang pemisahan kuasa kebebasan kehakiman, keadilan dilaksanakan. Biro Bantuan Guaman ada dan saya mengucap berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mencadangkan supaya Biro

Guaman ini dipertingkatkan dan peruntukan ditambah, ini akan diambil perhatian dan untuk dibincangkan seterusnya.

Yang Berhormat dari Tuaran tadi ada menyebut berkenaan dengan kes-kes yang lama tertangguh. Ini adalah salah satu masalah yang paling rumit sekali yang dihadapi dalam kes jenayah dan juga kes-kes sivil, sebab itulah kita memikirkan apabila kita hendak mengatasi kelewatan ataupun kelambatan sesuatu kes dapat diselesaikan perlu dilihat, bukan sahaja daripada mahkamah, kita perlu melihat daripada sistem pengendalian kes itu sendiri. Kita mesti lihat productivity tiap-tiap mereka yang menjalankan Badan Kehakiman itu sendiri. Kita mesti melihat penglibatan Polis di dalam kes jenayah, Peguam Negara, pihak-pihak saksi, jadi ini semua merangkumi mempunyai rangkaian yang mempunyai hubung-kait yang rapat. Jadi sebab itu Kementerian-Kementerian bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa bagi melihat secara keseluruhannya bagaimanakah kita dapat memperbaiki sistem mahkamah kita supaya bukan sahaja peguam dapat menyelesaikan masalah kesnya dengan cepat, tetapi mereka yang pergi untuk mendapatkan keadilan di mahkamah dapat penyelesaian keadilan itu dengan cepat sebagaimana yang dikatakan "justice delayed is justice denied", sesuatu keadilan yang dilewatkan atau dilambatkan adalah penafian keadilan itu sendiri. Jadi ini adalah satu perkara yang pokok. Untuk tujuan ini kita akan mendapatkan kerjasama daripada pihak Polis, pihak Peguam Negara, pihak Majlis Peguam sendiri oleh kerana pihak pengamal undang-undang juga tidak boleh menafikan penglibatan mereka di dalam menentukan kelicinan perjalanan kes-kes di dalam mahkamah.

Berkenaan dengan perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Baram tadi berkenaan Native Court ini, yang sebenarnya Mahkamah Native ini adalah di dalam bidangkuasa tiap-tiap

negeri di Sarawak dan di Sabah, dan orang-orang yang menghakimkan kes ini bukanlah daripada mereka yang layak di dalam bidang undang-undang, tetapi mereka mempunyai hak untuk merayu di dalam sesuatu kes yang telah diputuskan di dalam Native Court sehingga ke Mahkamah Agung. Jadi itulah dia punya kaitan yang ada di dalam sistem mahkamah kita.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jelutong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sila.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Baram ada menyebut satu kes di mana nafkah \$2 sebulan diberi kepada seorang budak, apa yang saya dengar tadi. Saya terkejut dan hairan perkara ini boleh jadi satu kes, barangkali ini boleh masuk dalam Guinness Book of Records. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar apa yang berlaku? Jikalau berlaku seperti itu bolehkah diadakan enquiry mengenai apa yang terjadi.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, saya tidak dengar berkenaan \$2 tadi, sebab itu saya tekankan yang soal ini ialah the Presiding Officers, mereka yang mengendalikan dalam kes ini tidak mempunyai latar belakang dan kelayakan di dalam bidang hukum dan mengikut perasaan untuk menentukan sesuatu keputusan di dalam kes-kes mahkamah. Hal ini saya sendiri telah meminta pihak Kementerian untuk kita melihat bagaimanakah sistem Mahkamah Native ini ditadbirkan supaya kalau kita hendak membuat apa-apa perubahan terhadap sistem Mahkamah Native ini dapat kita lakukan dengan sempurna. Untuk tujuan ini kita terpaksa pergi ke Sabah dan Sarawak, saya tidak tahu bagaimana dengan kes \$2 itu.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya dapat tahu jikalau apa yang dikatakan tadi itu benar? Jika benar, ini menjadi satu perkara yang mustahak, yang penting mesti diselesaikan, tidak boleh diabaikan apa yang terjadi di sana.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita akan selidik, tetapi sebagaimana saya katakan mahkamah ini tidak termasuk di dalam ini, tetapi kita akan selidik.

Tuan Pengerusi, saya fikir setakat itu sahaja yang hendak saya sentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada perkara-perkara yang mungkin saya tertinggal dan jika saya tertinggal saya minta maaf, tetapi kita akan mengambil perhatian tiap-tiap perkara yang telah diketengahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$52,574,600 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Kehakiman jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$52,574,600 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$29,744,000 yang disebutkan dalam Maksud P.43 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$29,744,000 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B.44 (Jadual)—

Maksud P.44 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.44 dan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Ya, Bukit Mertajam.

6.08 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.44, Butiran 010000, Program 010100 juga Butiran 020000, Program 020100.

Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan Pengurusan Kementerian Penerangan untuk tahun ini adalah \$242,095,100 sementara Anggaran Perbelanjaan Pembangunan adalah \$4,236,000 yang menjadikan jumlah besar kedua-dua anggaran tersebut \$246,331,100. Memang tidaklah harus dipertikaikan jumlah peruntukan perbelanjaan yang besar ini jika ianya digunakan untuk kepentingan rakyat dan negara. Tetapi oleh kerana Kementerian kelihatan semakin merupakan jentera B.N dan bukan Jabatan Kerajaan, maka saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan beberapa penyelewengan yang terdapat di dalam Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini. Saya juga berharap Kerajaan berani membetulkan kesilapan dan tidak membelanjakan wang awam untuk kepentingan dan matlamat B.N.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh soal televisyen dan radio. Rakyat yang berfikiran adil berpendapat bahawa stesyen televisyen dan stesyen radio negara ini, termasuk TV3 telah menjadi alat propaganda yang utama bagi B.N. terutama sekali semasa pilihanraya umum atau pilihanraya kecil diadakan.

Tuan Pengerusi, satu contoh yang paling nyata sekali adalah seperti yang berlaku dalam Pilihanraya Umum baru-

baru ini di mana stesyen televisyen telah mengheboh-hebohkan Presiden Semangat 46 memakai tengkolok Kadazan semasa lawatan beliau ke Sabah.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan mengapakah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Sabah dan memakai tengkolok Kadazan yang sama beberapa hari sebelum lawatan Presiden Semangat 46, RTM tidak benar mengheboh-hebohkan perkara yang sama? Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi satu penjelasan yang memuaskan semasa menggulung perbahasan ini.

Satu contoh yang lain ialah apabila terdapat pilihanraya kecil, artis-artis RTM akan dihantar ke kawasan pilihanraya kecil tersebut untuk dijadikan alat demi menarik perhatian orang ramai berkenaan dengan ceramah politik Barisan Nasional. Biasanya artis-artis RTM akan mempersembahkan nyanyian dan tarian, kadangkala pemimpin-pemimpin daripada Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan sebagainya akan merendahkan diri dan turut menyanyi dan menari bersama dengan artis-artis. Selepas itu barulah ceramah politik Barisan Nasional dimulakan.

Tuan Pengerusi, satu contoh yang terbaru iaitu pada hari Selasa yang lalu, iaitu 22hb Januari tahun ini, apabila satu upacara pemberian hakmilik tanah kepada penduduk-penduduk Kampung Baru Salak Selatan, satu pasukan pegawai dan kakitangan RTM pergi ke sana untuk merakamkan prosesnya dan apabila pasukan ini nampak Ahli Parlimen dari kawasan Seputeh di sana, mereka terus mengeneipikan Yang Berhormat dari Seputeh oleh kerana Yang Berhormat dari Seputeh adalah seorang Ahli Parlimen dari pihak Pembangkang. Sekiranya Ahli Yang

Berhormat dari Seputeh adalah seorang Ahli Parlimen dari parti Barisan Nasional mungkin pada malam itu mukanya memang ada dalam TV.

Tuan Pengerusi, saya ingin memaklumkan kepada Kerajaan Barisan Nasional dengan terus-terang bahawa jika Kementerian Penerangan meneruskan dasar ini untuk kepentingan Barisan Nasional, maka semakin ramai rakyat akan menganggap televisyen dan radio sebagai alat hiburan semata-mata dan tidak akan percaya akan laporan hal ehwal semasa yang disiarkan oleh stesen televisyen dan radio tempatan. Saya percaya oleh sebab ini RTM dan TV3 sedang giat bertanding antara satu sama lain untuk memikat lebih ramai penonton sehingga wabak-wabak keganasan dan seks semakin bertambah dalam rancangan hiburan televisyen. Pertambahan wabak-wabak seks nyata kelihatan dalam filem-filem barat sementara dalam filem-filem hiburan bahasa Cina pula menurut aduan yang saya telah terima selain daripada bertambahnya filem berunsur keganasan, terdapat selalu banyak filem mengenai hantu dan filem-filem jenayah yang bukan-bukan hasil buatan Hong Kong.

Tuan Pengerusi, pada masa yang lepas kita pernah menyiarkan filem-filem yang berunsur pendidikan daripada Taiwan tetapi tidaklah diketahui mengapa filem-filem seperti ini tidak pernah disiarkan lagi.

Menyentuh rancangan-rancangan Mandarin, saya berpendapat bahawa RTM dan TV3 harus memperbaiki beberapa kekurangan. RTM harus menyiarkan lebih banyak filem dan drama buatan tempatan. Dalam aspek ini memang mutu filem dan drama tempatan harus dipertingkatkan supaya ia dapat setanding dengan mutu filem dan drama Hong Kong dan Taiwan. Saya diberitahu oleh mereka yang pernah menyaksikan filem buatan Singapura bahawa mutu filem buatan Singapura sudah

menghampir tahap mutu filem Hong Kong dan Taiwan. Jadi, kalau Singapura dapat berbuat demikian, kenapakah negara kita tidak dapat melakukan sedemikian?

Tuan Pengerusi, kedegilan-kedegilan TV3 tidak mahu menyiarkan berita dalam Mandarin amatlah dikesali. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihati TV3 supaya jangan mengakibatkan kemarahan keturunan Cina. Di samping itu juga saya menyeru Yang Berhormat Menteri Penerangan mengeluarkan perintah ke atas TV3 supaya berita bahasa Mandarin dapat disiarkan bersesuaian dengan keadaan negara ini yang berbilang kaum.

Tuan Pengerusi, dalam zaman moden yang amat mementingkan informasi ini, keputusan Kerajaan Barisan Nasional menolak permohonan Kerajaan Negeri Sabah dan pihak swasta untuk mendirikan stesen televisyen dan radio adalah sukar difahami. Tiada alasan yang dapat menyakinkan orang ramai melainkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional berhasrat untuk memonopoli stesen televisyen dan radio sebagai media-massa. Oleh yang demikian, demi menjaga reputasi Barisan Nasional adalah diharapkan Kerajaan Barisan Nasional akan menarik balik keputusan tersebut dan membenarkan Kerajaan Negeri Sabah dan pihak swasta mendirikan stesen televisyen dan radio.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Chian Heng Kai: Baiklah, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Terap.

6.23 ptg.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk ke

mukasurat 200 iaitu Butiran 040000 di dalam tajuk ataupun program Perkhidmatan Filem Negara.

Tuan Pengerusi, di bawah Filem Negara adalah satu Lembaga iaitu Lembaga Penapis Filem. Saya ingin bercakap sedikit mengenai dengan kerja-kerja Lembaga ini di dalam menjalankan kerja-kerjanya dan memberi sumbangan saya agar kerja-kerja Lembaga ini dapat lebih berkesan dan lebih meluas.

Tuan Pengerusi, ada beberapa kriteria yang digunakan oleh Lembaga Penapis Filem ini untuk menapis filem-filem yang dibuat oleh kompeni-kompeni filem. Kriteria-kriteria ini, saya difahamkan sepertimana yang pertama, wabak-wabak lucu ditapis, wabak-wabak perkauman yang menunjukkan perkauman, wabak-wabak yang menunjukkan sensitiviti agama dan wabak-wabak keganasan ditapis. Satu lagi saya ingin mencadangkan kepada Lembaga Penapis Filem ini ialah memasukkan satu lagi kriteria iaitu apa yang kita panggil sumber propaganda Zionist. Perkara ini telah berlaku sudah lama tetapi kemungkinan anggota-anggota yang menganggotai Lembaga ini tidak begitu dapat melihat. Propaganda ini dibuat di dalam bentuk yang cukup subtle, cukup tidak ketara, khususnya daripada filem-filem yang dikeluarkan dari Hollywood. Sudah lama perkara ini berlaku dan saya telah memerhatinya dan saya fikir eloklah saya bawa ke Dewan yang mulia ini.

Misalannya, Tuan Pengerusi, baru-baru ini terang-terang di dalam satu filem yang disukai oleh anak-anak muda kita, khususnya kanak-kanak sekolah iaitu filem yang bernama "He-Man". Jadi, di dalam filem "He-Man" ini He-Man adalah hero yang memanglah hero ini datang daripada Barat, daripada kumpulan Caucasian, tetapi crooknya, iaitu saya fikir namanya Skeletar; crook yang paling kuat sekali di situ mempunyai sebagai simbol dia bulan

sabit yang tidak ditunjuk secara ketara. Tetapi bulan sabit itu dilukis di belakang takhta crook itu.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa bulan sabit adalah simbol Islam. Jadi apabila selepas kita lihat wayang ini, ditunjuk sesiapa yang mengeluarkan wayang, semua nama-nama kebanyakannya 50% adalah nama-nama yang menunjukkan orang-orang Yahudi di Amerika seperti Rubenstein, Kramer dan lain-lain lagi. Jadi, ternyata ini adalah satu bukti yang kemungkinan Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem tidak dapat melihat kerana ianya terlalu subtle dan dahulu kita lihat yang mana tidak berapa subtle banyak filem-filem yang menunjukkan kewiraan orang-orang Amerika seperti dalam filem-filem spy. Selalunya ditunjukkan kruk-kruk adalah orang-orang Arab dari Middle East yang beragama Islam dan ada juga yang terlepas daripada Lembaga Penapis ini babak-babak yang menunjukkan salah perlakuan ataupun practice ke-Islaman yang salah. Misalnya, di dalam sembahyang ditunjuk macam mana orang Islam rukuk yang tidak sebenarnya kita merukuk sebegitu.

Jadi, saya harap Lembaga ini dapat menjadi lebih sensitif kerana kebanyakan filem-filem luar negeri yang kita import adalah daripada Hollywood dan kita tahu bahawa gedung-gedung filem di Hollywood adalah dipunyai oleh orang-orang Yahudi. Walaupun mereka menjadi rakyat Amerika, mereka adalah pembawa perjuangan Zionisme sedunia yang mana kalau ada Yang Berhormat di sini yang biasa tinggal di Amerika akan berasa kesan propaganda mereka dengan lebih mendalam. Saya harap perkara itu akan diambil dengan lebih serius oleh pihak-pihak anggota Lembaga Penapis Filem.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, yang ingin saya bawa ialah di dalam mukasurat 199 di bawah Perkhidmatan Penyiaran, Program 020100 iaitu dalam Rancangan.

Pertama sekali saya berterima kasih kepada pihak RTM dan juga TV3 yang telah mengadakan banyak filem-filem klasik di dalam Blockbuster, Exporama dan lain-lain lagi untuk kita menonton dan kebanyakan filem-filem ini adalah yang bermutu tinggi yang boleh diapresiasi oleh kanak-kanak juga. Tetapi malangnya baru-baru ini Blockbuster ini dibuat di musim peperiksaan kanak-kanak daripada STPM sampai ke bawah musim peperiksaan. Saya harap di musim-musim ini tidak usahlah diadakan Blockbuster seperti ini kerana kanak-kanak akan, dengan izin, didistract, daripada mentelaah ilmu-ilmu yang mereka akan hadapi dalam peperiksaan nanti.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, di dalam program yang sama saya ingin mengucapkan syabas kepada RTM dan juga TV3 yang telah membangun ataupun menyemarakkan lagi industri pembuatan filem di negara melalui drama swasta. Cuma saya ingin mencadangkan supaya drama-drama swasta ini diperdalamkan lagi kualitinya. Tema-temanya mestilah diperdalamkan lagi dan bukan hanya menunjukkan babak-babak pergaduhan, babak-babak cinta tetapi menunjukkan sumber-sumber ataupun unsur-unsur agama.

Kalau dahulu Tuan Pengerusi, kita biasa lihat satu drama filem dari Indonesia yang bertajuk Al Kausar. Al Kausar adalah satu filem yang cukup bagus dan cukup mendalam mesejnya dan dari segi seni lakonannya adalah baik. Jadi, kalau dijadikan filem Al-Kausar ini sebagai reference, dengan izin, Tuan Pengerusi, saya harap pihak pembuat-pembuat filem dengan pimpinan RTM dan juga TV3 dapat mengeluarkan lebih banyak lagi filem-filem seperti ini yang membawa dan mengajar nilai-nilai yang baik untuk rakyat kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Nilam Puri.

6.26 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Terima kasih. Tuan Yang Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020400—Pengesan Siaran dan juga di mukasurat 275 Kertas Perintah 20—Aktiviti Pengesan Siaran yang bertujuan untuk bertindak sebagai jentera maklumbalas dan menganalisa perkembangan dunia antarabangsa melalui siaran-siaran media elektronik, radio dan siaran-siaran melalui teleprinter sama ada yang rasmi atau yang haram dari luar negeri dan juga daripada dalam negeri.

Tuan Pengerusi, sebahagian dari apa yang saya hendak cakap telah diambil oleh Yang Berhormat dari Padang Terap yang bersamaan pemikiran kami di dalam masalah media ini. Mengenai Pengesan Siaran ini, kita lihat selepas Perang Dunia Kedua, Barat telah memberhentikan penjajahan dalam bentuk kolonial terhadap Kerajaan-kerajaan yang kecil. Tetapi mereka melancarkan pula apa yang dipanggil imperialisme media, macam hari itu consumerisme, ini imperialisme media.

Barat sekarang tidak suka lagi menjajah tetapi mereka suka menjajah dalam bentuk baru yang dipanggil penjajahan dalam bentuk media. Program-program yang berbentuk memuja Barat memang diutamakan di dalam siri-siri televisyen mereka. Kajian telah dibuat oleh pihak jawatankuasa bebas di Amerika mendapati bahawa golongan middle class di Amerika menonton televisyen 30 jam satu minggu. Begitu juga di dunia ketiga ini, walaupun kajian tidak dibuat secara menyeluruh tetapi pelajar-pelajar yang telah membuat kajian itu mendapati bahawa tidak kurang dunia ketiga ini menonton televisyen kadangkala melebihi 30 jam seminggu. Oleh itu sudah tentulah untuk menjajah

pemikiran, bahan ini perlu diambilkira ataupun melalui media ini perlu diterokai untuk menjajah pemikiran rakyat di dunia ini.

Sebab itulah kita lihat dalam imperialisme media ini Amerika memang berjaya membentuk rakyatnya sehingga rakyatnya meletakkan fahaman ataupun anggapan "The Great America" ataupun "God Bless America" menyebabkan semua yang dilakukan oleh Amerika dinampakkan hebat. Kemudian imperialisme media ini juga datang ke negara-negara dunia ketiga, ianya diambil oleh RTM, kadang-kadang tanpa tapis untuk memuja Amerika itu.

Inilah imperialisme yang sedang melanda dalam TV-TV di dunia ketiga tidak terkecuali di dunia kita di Malaysia ini. Misalnya, kita boleh melihat corak media mengagungkan seseorang. Kalau mereka mengagungkan Castro, maka dunia akan menerima Castro sebagai hero. Bila mereka mengagungkan Mao Tze Tung, maka dunia akan mengagungkan Mao Tze Tung. Bila mereka cuba mengagungkan Saddam Hussein, dunia mengagungkan Saddam Hussein. Bila mereka cuba memburukkan Saddam Hussein, dunia memburukkan Saddam Hussein. Inilah imperialisme bentuk baru.

Begitu juga dalam hal Islam, filem mereka menggambarkan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap tadi. Misalnya digambarkan kalau pemerintah di Timur Tengah mesti berbini banyak ataupun beristeri banyak. Beristeri lebih daripada satu dianggap kotor dan jijik sedangkan ianya dihalalkan oleh Islam. Tetapi inilah gambaran yang digambarkan dalam media yang menyebabkan poligami itu menjadi satu fahaman yang jijik sedangkan ianya diterima oleh Islam. Cuma kalau hendak dikritik perlaksanaan tetapi media menggambar-

kan bila ditunjuk Raja Arab, maka tidak lain mereka adalah "kaki betina". Begitu juga orang yang banyak menyimpan isteri dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya sambung esok.

Tuan Pengerusi: Ya, sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.